ڤتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"IKATAN yang kukuh di antara kerajaan dan rakyat serta penduduk perlulah wujud, untuk merealisasikan lagi kejayaan-kejayaan yang telah dan akan dicapai. Untuk ini,"kerajaan beta adalah sentiasa menyambut baik pandangan-pandangan yang bernas daripada kalangan rakyat jelata, tentang bagaimana cara-cara yang munasabah untuk mempertingkatkan lagi mutu pengendalian kerajaan di bidang-bidang pembangunan dan pentadbiran." - Titah Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-21 pada 23 Februari 2005.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pelita BRUNEI ڤليتا بروني

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN juga mereka yang diredai Allah itu ialah yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua- dua cara (boros dan bakhlil) itu." - Surah Al Furqaan ayat 27).

TAHUN 58 / BILANGAN 36 | 25 MAC 2013 / 1434 جمادى الأول 13 | EDISI ISNIN / PERCUMA

# Berangkat tiba mulakan lawatan Negara di New Zealand



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam, The Honourable Chris Tremain (kiri) Baginda berkenan disembahkenalkan kepada Deputy Mayor of Wellington, Mr Ian McKinnon (Kanan).



**Oleh: Siti Muslihat Haji Salleh**
**Foto: Hernie Suliana Hj Othman dari Wellington, New Zealand.**

**WELLINGTON, NEW ZEALAND**, Isnin, 25 Mac 2013 .- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Wellington, New Zealand pagi ini bagi memulakan keberangkatan negara selama empat hari.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Wellington bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah The Honourable Chris Tremain, Menteri Hal Ehwal Dalam; Puan Yang Terutama Caroline Bikey, Ketua Protokol New Zealand; dan Tuan Yang Terutama David Pine, Pesuruhjaya Tinggi New Zealand yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Puan Yang Terutama Datin Paduka Tan Bee Yong, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap ke New Zealand serta beberapa orang pegawai kanan kerajaan daripada Negara Brunei Darussalam.

**Ke muka 24**

# DPMM tinjau Projek RKN Daerah Belait

**Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli, Abu Bakar Haji Abdul Rahman**

**LUMUT**, Sabtu, 23 Mac. - Projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) di Daerah Belait turut mendapat perhatian Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi RKN Ke-10.

Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengadakan lawatan kerja ke projek-projek yang dilaksanakan meliputi Projek Pembaikan Sumber Air Empangan Kargu Ulu Belait, Projek Pusat Biodiversiti Hutan Tropika Sungai Liang, Projek Menaik Taraf dan Pengubahsuaian Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut, tapak Projek Rancangan Perumahan Negara Lumut/Sungai Liang (Infra & Terrace House) dan tapak Projek Pembinaan Sekolah Menengah Lumut.

DYTM memulakan lawatan kerja ke Projek Pembaikan Sumber Air Empangan Kargu Ulu Belait dan seterusnya berkenan merasmikan projek tersebut.

**Ke muka 12 & 13**


**DI DALAM**



**Muka 3**
Kebawah DYMM menerima mengadap Ketua Delegasi ASCC



**Muka 4**
TINJAU pelbgai aktiviti MPK Bebuloh



**Muka 5**
ASEAN terus pantau langkah keselamatan

# Tingkatkan komitmen untuk mempromosi, melindungi hak OBK

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.**

**ALHAMDULILLAH**, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat sama-sama berhimpun dalam majlis pada pagi ini iaitu Sambutan Hari Antarabangsa Orang Berkeperluan Khas (OBK). Dalam konteks Negara Brunei Darussalam adalah diharapkan sambutan Hari Antarabangsa Orang Berkeperluan Khas ini akan dapat menghasilkan impak yang berkesan dalam meningkatkan komitmen kita dalam usaha untuk mempromosi dan melindungi hak OBK di negara ini.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia menganggarkan bahawa 15 peratus daripada penduduk dunia, iaitu kira-kira satu bilion orang, adalah terdiri daripada OBK dan 200 juta daripada jumlah ini adalah mereka yang mengalami ketidakupayaan di tahap yang *serious*. Jumlah ini dijangka akan meningkat disebabkan meningkatnya jumlah warga emas yang kebanyakannya kurang upaya dan juga meningkatnya masalah kesihatan seperti diabetis, penyakit jantung, kanser dan penyakit mental.

Golongan OBK merupakan golongan minoriti yang paling ramai jumlahnya di merata dunia dan mereka sering mengalami masalah kesihatan, pencapaian pendidikan yang rendah, kurang penyertaan dalam ekonomi, hidup dibelenggu kemiskinan kerana wujudnya halangan dan rintangan yang menyekat mereka untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi. Di kebanyakan negara-negara sedang membangun golongan ini juga tersekat, jika langsung tidak dipedulikan, untuk mendapat akses kepada kemudahan awam, teknologi maklumat, hak undang-undang dan pembuatan dasar, perkhidmatan termasuk pendidikan, kesihatan, pekerjaan, pengangkutan dan sebagainya disebabkan persekitaran fizikal yang tidak sesuai dan tidak mesra OBK.

Bagi Negara Brunei Darussalam, jumlah OBK yang berdaftar di Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) ialah seramai 4,663 orang. Sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat, golongan OBK mempunyai hak yang sama dengan yang lain dalam pendidikan, kesihatan, pekerjaan dan berekreasi.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan dan komited terhadap kemajuan dan pembangunan golongan OBK. Melalui agensi-agensi yang berkenaan dan dengan sokongan badan-badan bukan kerajaan yang khusus menangani OBK telah melaksanakan pelbagai dasar dan program untuk meningkatkan kualiti kehidupan OBK di negara ini.

Antara program-program yang dijalankan termasuklah program pencegahan, pengesanan dan intervensi awal, pendidikan khas, latihan pekerjaan dan pemulihan dalam komuniti, pemberian pencen dan elaun-elaun di bawah Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya, bantuan kebajikan bulanan, bantuan



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa berucap pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Antarabangsa Orang Berkeperluan Khas pada hari Selasa, 29 Januari 2013 bertempat di Dewan Muhibah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.**

mikro kredit untuk memulakan perusahaan, bantuan alat-alat pemulihan dan bantuan pekerjaan. Pihak kerajaan, melalui JAPEM, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga memberikan bantuan kewangan kepada badan-badan dan persatuan OBK bagi tujuan pentadbiran dan latihan orang-orang berkeperluan khas.

Selain daripada itu, pihak kerajaan juga melalui jawatankuasa Khas Isu Warga Emas dan OBK telah merangka pelan tindakan OBK bagi memastikan OBK menikmati hak dan peluang bagi penyertaan sepenuhnya dalam masyarakat dan pembangunan negara dan mempunyai akses kepada kemudahan dan perkhidmatan yang ada di negara ini. Pelan tindakan ini memberi tumpuan kepada beberapa isu termasuk isu perlindungan, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, kewangan, aksesibiliti dan pengangkutan.

Tema sambutan Hari Antarabangsa Orang Berkeperluan Khas pada tahun ini iaitu 'Removing Barriers to Create An Inclusive and Accessible Society for All' adalah bertepatan dalam usaha kita untuk meningkatkan penglibatan OBK dalam masyarakat dengan mewujudkan persekitaran yang bebas halangan dan mesra OBK.

OBK tidak lagi boleh dianggap sebagai golongan yang hanya mengharap simpati dan perlu dibantu tetapi sebaliknya mereka juga boleh menjadi penyumbang kepada negara. Mereka mungkin mempunyai kekurangan, akan tetapi sekiranya persekitaran yang bersesuaian disediakan untuk mereka, mereka bukan sahaja dapat menyumbangkan kepada kesejahteraan mereka sendiri malah turut menyumbang kepada pembangunan negara.

Pengalaman-pengalaman di kebanyakan negara yang maju membuktikan bahawa apabila OBK diperkasa dengan diberikan peluang sepenuhnya kepada mereka untuk melibatkan diri dalam pembangunan negara, dan dengan menyediakan persekitaran yang sesuai dan mesra OBK, ianya bukan sahaja memberi manfaat kepada golongan ini, malah juga kepada seluruh masyarakat amnya.

Halangan-halangan yang dihadapi oleh golongan OBK seperti stigma, persepsi negatif dan kurang keyakinan akan kebolehan mereka dalam semua aspek termasuk pendidikan dan pekerjaan perlu dihapuskan. Halangan dari segi aksesibiliti di tempat awam, tempat kerja, tempat rekreasi, institusi pendidikan serta pengangkutan yang menyekat peluang bagi penyertaan penuh golongan ini dalam masyarakat perlu ditangani sewajarnya.

Masyarakat di Negara Brunei Darussalam di semua peringkat, perlu menerima hakikat sepenuhnya bahawa OBK adalah sebahagian daripada kita. Justeru itu, kita perlu bersatu hati dan tekad untuk meningkatkan pemedulian dan keprihatinan ke atas golongan berkeperluan khas dengan mengujudkan sebuah masyarakat yang inklusif di mana golongan OBK dapat bergerak bebas menjalani kehidupan seharian tanpa sebarang halangan dan batasan, tanpa stigma, tanpa pandangan yang negatif dan tanpa diskriminasi. Hak mereka perlu dihormati dan mereka tidak merasa dipinggirkan oleh masyarakat umum.

Dalam usaha merubah stigma dan memberikan hak kepada OBK di peringkat awal, ibu bapa dan keluarga OBK perlu memanfaatkan perkhidmatan dan kemudahan latihan dan pembangunan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dengan memastikan anak-anak atau ahli-ahli keluarga menghadirkan diri secara teratur ke pusat-pusat bimbingan dan latihan agar mereka dapat menikmati peluang dan hak kepada perkhidmatan yang telah disediakan ini.

OBK tidak lagi boleh dianggap sebagai golongan yang hanya mengharap simpati dan perlu dibantu tetapi sebaliknya mereka juga boleh menjadi penyumbang kepada negara. Mereka mungkin mempunyai kekurangan, akan tetapi sekiranya persekitaran yang bersesuaian disediakan untuk mereka, mereka bukan sahaja dapat menyumbangkan kepada kesejahteraan mereka sendiri, malah turut menyumbang kepada pembangunan negara.

Pengalaman-pengalaman di kebanyakan negara yang maju membuktikan bahawa apabila OBK diperkasa dengan diberikan peluang sepenuhnya kepada mereka untuk melibatkan diri dalam pembangunan negara dan dengan menyediakan persekitaran yang sesuai dan mesra OBK, ianya bukan sahaja memberi manfaat kepada golongan ini, malah juga kepada seluruh masyarakat amnya.

Halangan-halangan yang dihadapi OBK seperti stigma, persepsi negatif dan kurang keyakinan akan kebolehan mereka dalam semua aspek termasuk pendidikan dan pekerjaan perlu dihapuskan. Halangan dari segi aksesibiliti di tempat awam, tempat kerja, tempat rekreasi, institusi pendidikan serta pengangkutan yang menyekat peluang bagi penyertaan penuh golongan ini dalam masyarakat perlu ditangani sewajarnya.

Ke muka 5

## Dari Sidang Pengarang

25 MAC 2013 BERSAMAAN 13 جمادى الأول 1434

### PEMULIHARAAN KEHIJAUAN HUTAN KEBANGGAAN NEGARA

**KITANI** amat bersyukur kerana sehingga kini Negara Brunei Darussalam berupaya mengekalkan separuh daripada keluasan tanah negara sebagai tanah berhutan. Ini merupakan satu pencapaian yang patut kita banggakan kerana komitmen kita yang tinggi ditunjukkan dalam aspek pemeliharaan, pengurusan dan pembangunan sumber hijau negara yang amat bernilai ini.

Untuk mengukuhkan pemuliharaan hutan di negara ini, sebuah bangunan Pusat Biodiversiti Hutan Tropika Sungai Liang telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah. Ini membuktikan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah begitu peka dan mengambil berat tentang usaha-usaha untuk menjaga dan mengekalkan kekayaan hutan di negara ini.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga menyatakan pendekatan yang diambil oleh negara ini ialah dengan mengamalkan sistem pengurusan hutan Lestari. Kepelbagaian fungsi hutan termasuk khazanah asli yang terdapat di dalamnya menyumbang terhadap ekonomi, kestabilan ekosistem dan iklim.

Kitani menyedari dalam era globalisasi kini, keperluan dan kehendak masyarakat terhadap hutan dan alam sekitar menjadi semakin tinggi dan pelbagai. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, komitmen yang bersungguh-sungguh daripada semua pihak dalam mengurus khazanah hutan perlu dipertingkatkan. Ini bermaksud kehendak dan penglibatan masyarakat perlu diambil kira supaya 'outcome' yang dicapai dapat memberikan kepuasan dan kesejahteraan hidup.

Mengikut statistik, akhir-akhir ini banyak kawasan hutan telah pun dimusnahkan. Akibatnya pelbagai kejadian dihadapi disebabkan kepupusan hutan ini seperti suhu dunia semakin panas, paras air laut semakin tinggi, kepupusan spesies hidupan liar, kemusnahan habitat, cuaca yang tidak menentu dan susah diramal disebabkan perubahan iklim dunia.

Bagi menangani perkara ini tidak berlaku di negara kitani, pelbagai inisiatif dilakukan untuk menyedarkan orang ramai tentang kepentingan bumi hijau. Kempen menanam pokok telah diusahakan oleh pihak kerajaan, sektor-sektor awam dan juga penuntut-penuntut sekolah. Kempen ini telah mendapat sambutan ramai dengan adanya kesedaran jitu bagi memastikan sumber hutan negara kekal dinikmati secara berterusan dari generasi ke generasi yang akan datang.

Kitani perlu ada motivasi untuk meningkatkan pengurusan dan pemuliharaan khazanah hijau yang amat bernilai ini. Dapatkah kitani bayangkan jika negara kitani hanya berupa padang pasir tanpa tumbuhan hijau? Selesakah kitani dengan persekitaran begitu? Mampukah generasi akan datang mengadaptasi kehidupan demikian? Semua persoalan-persoalan ini menyangkut pada keperluan dan kemahuan kitani, hidup dalam dunia yang mempunyai persekitaran yang hebat untuk didiami.

Setiap lapisan masyarakat perlu berganding bahu dan bersatu tenaga dengan penuh keikhlasan dan tanggungjawab untuk memulihara dan melindungi alam sekitar. Pendedahan dan kesedaran mengenai kepentingan alam sekitar perlu diteruskan dan dipertingkatkan di peringkat sekolah, institut pengajian tinggi dan juga dalam kalangan masyarakat umum. Malah sokongan dan kerjasama berterusan daripada sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dapat membantu kerajaan dalam memulihara dan melindungi alam sekitar.

Berbanggalah dengan kehijauan hutan kitani. Kekalkan, pulihara dan jaga 'Permata Hijau' di bumi Brunei Darussalam ini dari kemusnahan. **- Ketua Penyuntingan.**





## SIDANG PENGARANG

**Pemberitaan/Rencana**
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryentty Haji Ariffin

**Ketua Penyuntingan**
Hajah Rosidah Haji Ismail

**Penyelaras dan Reka Letak**
Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim

**Penyemakan**
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Hajah Norpisah Md. Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

**Penyuntingan**
Haji Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad

**Pereka Letak**
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Hatral Hazmi Abd. Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin


| AMBULANS | POLIS | BOMBA | PENYELAMAT | PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | ELEKTRIK | NDMC |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 991 | 993 | 995 | 998 | 140 | 144 | 2380214 |

# Kebawah DYMM menerima mengadap Ketua Delegasi ASCC



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap sembilan Ketua Delegasi dari negara anggota ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) Ke-9 (atas dan bawah).**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 23 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap sembilan Ketua Delegasi dari negara anggota ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) Kali Ke-9 yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Hadir pada Majlis Mengadap itu ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah; Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Le Luong Minh; Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman serta Setiausaha-Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan.







**GAMBAR-GAMBAR merakamkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika beramah mesra dan menerima junjung ziarah daripada sembilan Ketua Delegasi dari negara anggota ASEAN.**

# YTM berkenan berangkat menghadiri Sambutan 'Thinking Day' 2013





**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah semasa berkenan berangkat menghadiri Sambutan 'Thinking Day' 2013 di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri, Kampung Anggerek Desa.**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 24 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, selaku Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPPNBD) berkenan berangkat menghadiri Sambutan 'Thinking Day' 2013 di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri, Kampung Anggerek Desa.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Naib Yang Di-Pertua PPPNBD.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Ahli-ahli Jawatankuasa PPPNBD.

Terdahulu Penolong Ketua Pesuruhjaya PPPNBD, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin menyampaikan sembah alu-aluannya berkata, setiap tahun Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap seluruh dunia meraikan Sambutan 'Thinking Day' Sedunia.

Sambutan ini, jelas Pengiran Hajah Sarah ialah hari yang istimewa yang mana semua orang mengingati setiap orang dan memberikan ucapan terima kasih kepada saudara-saudara Pandu Puteri dan Pengakap di atas persahabatan antarabangsa.

Menurutnya, seluruh dunia seramai 7.6 juta kanak-kanak mati setiap tahun menghidapi penyakit seperti Yumonia, *diarrhea*, malaria atau kurang akses kepada penjagaan kesihatan yang tidak sempurna.

"Tahun 2013, WAGGS akan memfokus kepada lima negara yang mana Pandu Puteri dan Pengakap mempunyai impak berfaedah jangka panjang dalam komuniti mereka. Di antara negara tersebut ialah Ireland, Jordan, Malawi, Pakistan dan Venezuela kerana ia memberikan peluang untuk belajar lebih dalam tentang tema penjagaan *survival* kanak-kanak dan ibu-ibu," ujarnya.

Majlis dimulakan dengan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam, diteruskan dengan senaman aerobik dan persembahan nyanyian dan sketsa dan diserikan dengan persembahan Choral Speaking.

YTM juga berkenan berangkat menyaksikan pameran Kementerian Kesihatan dan diakhiri dengan bacaan doa selamat.

# Tinjau pelbgai aktiviti MPK Bebuloh

**Berita dan Foto :**
**Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**MUKIM PENGKALAN BATU**, Jumaat, 22 Mac. - Pelbagai aktiviti terus diungkayahkan bagi mengukuhkan keberkesanan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) agar bergerak aktif dalam memantapkan lagi pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan masyarakat setempat.



MAJLIS Perundingan Kampung (MPK) Bebuloh mengadakan aktiviti mengetam padi di Ladang Padi Kampung Bebuloh yang turut disertai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Sehubungan itu Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bebuloh telah mengadakan aktiviti mengetam padi di Ladang Padi Kampung Bebuloh yang turut disertai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof dan Datin.

Sebelum aktiviti mengetam bermula, acara didahului dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah di Pusat Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh sebelum beredar ke lokasi Program Rumah Inap Desa (Homestay) Kampung Bebuloh yang mana pentadbirannya dikendalikan oleh MPK Bebuloh di bawah Program 'Satu Kampung Satu Produk' (1K1P).

Rumah Inap Desa (Homestay) yang dibina oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) dengan kos berjumlah lebih BND150,000.00 itu mempunyai reka bentuk berkonsepkan kayu moden sebagai salah satu lagi destinasi tarikan pelancong dalam dan luar negara.

Selain itu, ia turut mempunyai sebuah menara berketinggian enam meter bagi mereka yang ingin menyaksikan keindahan sawah-sawah padi di sekeliling Rumah Inap ini dari aras tinggi.



**TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri turut serta dalam salah satu aktiviti masyarakat kampung di Kampung Bebuloh.**

Ianya adalah salah satu projek perintis dalam usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan JDBM menaik taraf kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti di mukim dan kampung bagi menjana perekonomian masyarakat setempat melalui aktiviti ekopelancongan.

Yang Dimuliakan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Datin juga berkesempatan menyaksikan persembahan aktiviti masyarakat kampung di persekitaran Rumah Inap Desa berkenaan dan berinteraksi dengan ahli-ahli MPK serta penduduk yang hadir dalam suasana muhibah dan positif.

Antara lain aktiviti seumpamanya ini akan dapat mengeratkan dan mengukuhkan lagi tali silaturahim, ikatan kerjasama dan jalinan persefahaman di antara KHEDN dan JDBM dengan ahli-ahli MPK Bebuloh serta para penduduk setempat dalam sama-sama meneruskan usaha bagi mengukuhkan lagi keberkesanan MPMK supaya bergerak aktif dalam memantapkan lagi pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan masyarakat setempat.

Hadir sama ialah Setiausaha Tetap KHEDN, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendi bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Ismail bin Haji Abd. Manap dan Awang Roslan bin Haji Taja'ah; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin; serta Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Zon 4, dan pegawai-pegawai kanan KHEDN dan JDBM.

## Kedutaaan Besar NBD di Kemboja sambut Hari Kebangsaan Ke-29

**PHNOM PENH**. - Kedutaaan Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) di Phnom Penh, Kemboja mengadakan Majlis Resepsi Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-29 di Hotel Raggles Le Royale pada 25 Februari 2013 yang dihoskan oleh Duta Besar NBD ke Kemboja, Tuan Yang Terutama Shaikh Haji Fadilah bin Shaikh Haji Ahmad.

Tetamu kehormat bagi mewakili Kerajaan Kemboja pada Majlis Resepsi berkenaan ialah Menteri Kanan dan Menteri Alam Sekitar Kemboja, Tuan Yang Terutama Dr. Mok Mareth.

Majlis Resepsi tersebut juga dihadiri oleh ahli-ahli kerabat diraja Kemboja, Menteri-menteri Kabinet Kerajaan Kemboja dan rakan-rakan diplomat yang lain.

Selain itu pihak keduataan tersebut juga mengadakan sembahyang berjemaah, membaca Surah Yaa Siin, tahlil dan doa rasmi kerajaan sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-29 pada 22 Februari 2013 di Rumah Kediaman Rasmi TYT Duta Besar NBD ke Kemboja.

## Penyertaan Seminar Antarabangsa Penyelidikan Mengenai Melayu dibukakan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 22 Mac. - Akademi Pengajian Brunei (APB), Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOASCIS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Frankfurt akan menganjurkan Seminar Antarabangsa Penyelidikan Mengenai Melayu: Mempergiatkan dan Memartabatkan Pengajian Melayu di Peringkat Serantau dan Antarabangsa bertempat di Dewan Canselor, UBD.

Persidangan bermula 29 hingga 31 Mac 2013 itu nanti dibukakan kepada pegawai-pegawai kerajaan, pensyarah, ahli akademik, pelajar dan orang ramai dari Negara Brunei Darussalam serta luar negara.

Objektif seminar antaranya untuk bertukar-tukar pandangan dan pemikiran dalam satu seminar khusus mengenai kajian yang terkini mengenai dunia Melayu, di samping memberikan pendedahan, pengalaman dan pengetahuan kepada para peserta seminar tentang kajian dunia Melayu serta memberikan peluang kepada para peserta untuk membina jaringan akademik (*academic networking*) di antara para pembentang dan peserta seminar.

Bagi seminar tiga hari itu, pihak penganjur akan mengenakan kadar bayaran sebanyak BND50 bagi setiap peserta tempatan dan penuntut sebanyak BND20, manakala bagi peserta antarabangsa ialah USD50 dan penuntut antarabangsa pula sebanyak USD20.

Sehubungan itu, sukacita menjemput orang ramai yang berminat untuk menyertai persidangan ini dengan mengisikan borang pendaftaran dan mengembalikannya ke UBD secepat yang mungkin.

Bagi maklumat lanjut boleh menghubungi Sekretariat Persidangan melalui e-mel: *secretariat.sapem@ubd.edu.bn*, atau talian di 2463001 sambungan 1905/2664/1396/ ataupun melalui laman sesawang: *www.ubd.edu.bn*.

## Sertai persembahan bacaan Al-Qur'an di Thailand

**Oleh : Abdullah Asgar**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 22 Mac. - Negara Brunei Darussalam menghantar seorang qari dan qariah bagi menyertai Persembahan Bacaan Al-Qur'an di Majlis Sambutan Tahuan Bagi Memperingati Hari Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang akan berlangsung di Pusat Hal Ehwal Islam Kebangsaan Nong Chok, Bangkok, Thailand bermula 23 hingga 26 Mac ini nanti.

Mereka terdiri daripada Dayang Hajah Aminah binti Haji Abdul Manaf, johan Qariah Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Kuala Lumur, Malaysia 2002 manakala Awang Muhd. Fahmie bin Haji Awang Metussin pernah mewakili negara Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Kuala Lumpur, Malaysia tahun 2006 dan 2009.

Rombongan diketuai Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Awang Haji Mail bin Besar.

Para pembaca tersebut terpilih berdasarkan pengalaman mereka mewakili negara di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa yang lalu.

Hadir mengucapkan selamat belayar di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini termasuklah beberapa orang pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan ahli keluarga para pembaca.




**ANTARA ahli-ahli rombongan dari Negara Brunei Darussalam yang akan menghadiri bagi membuat Persembahan Bacaan Al-Quran sempena Sambutan Tahunan bagi Memperingati Hari Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam di Pusat Hal Ehwal Islam Kebangsaan, Nong Chok, Bangkok, Thailand. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.**

# Cabaran keselamatan abad ke-21 semakin kompleks

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**JERUDONG**, Rabu, 20 Mac. - Mesyuarat Ketua-ketua Turus Pertahanan Negara-negara ASEAN Ke-10 (10th ACDFIM) bermula hari ini dengan majlis perasmiannya yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka, di sini dan mempertemukan perwakilan-perwakilan dari kesemua sepuluh negara ahli ASEAN.

Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin pada mesyuarat tersebut.

Dalam ucapannya pada majlis pembukaan mesyuarat berkenaan, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan berkata, cabaran-cabaran keselamatan semakin bertambah kompleks dalam abad ke-21 ini yang memerlukan negara-negara anggota ASEAN untuk memperkukuhkan tadbir urus (*governance*) yang baik dan menangani ketidakstabilan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Menurutnya, kepentingan kuasa-kuasa besar bertembung dalam persimpangan Asia Tenggara sejak dari Perdagangan Rempah (*Spice Trade*) sehingga ke manifestasi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Pemerintah ABDB menambah dan apabila lebih ramai lagi pemain masuk ke rantau ini, usaha mengimbanginya perlu diambil kira dan dipertimbangkan dalam apa yang dilihat oleh sesetengah pemerhati sebagai cecair (*fluid*) dan pelbagai landskap geopolitik.

Dalam perkara ini jelasnya, dinamika landskap keselamatan serantau ketika ini telah meningkatkan pentingnya mesyuarat - mesyuarat seperti mesyuarat untuk terus berusaha ke arah kerjasama yang lebih berdaya tahan dan dapat disesuaikan bersama.

Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan dalam ucapannya turut melahirkan ucapan tahniah kepada Kemboja kerana kejayaannya mempengerusikan Mesyuarat ACDFIM Kesembilan tahun lepas.

"Saya berharap kita akan dapat terus membina momentum kejayaan daripada mesyuarat - mesyuarat yang lalu sebagai usaha kita untuk terus mengukuhkan peranan dalam sektor pertahanan ASEAN yang lebih luas dan masyarakat ASEAN keseluruhan," ujar Mejar Jeneral.

Jelasnya, mempertahankan keselamatan rakyat dan masa depan semuanya adalah tentang tanggungjawab bersama.

ACDFIM adalah satu forum bagi perbincangan yang telus untuk Ketua-ketua Turus Pertahanan Negara-negara ASEAN dalam menunjukkan hubungan muhibah ke arah meningkatkan lagi ikatan persahabatan dan berkongsi pengalaman dan pencapaian setiap negara dengan matlamat untuk meningkatkan kerjasama ketenteraan di pelbagai hala dalam mengekalkan keamanan serantau, keselamatan, mengekalkan kestabilan serta pembangunan, bantuan kemanusiaan, operasi bantuan dan banyak lagi interaksi yang berkaitan.

Mesyuarat selama tiga hari itu turut mendengarkan laporan daripada 3rd ASEAN Military Operations Informal Meeting (AMOIM) dan 10th ASEAN Military Intelligence Informal Meeting (AMIIM) yang diadakan pada 18 Mac 2013 lalu.

Di samping itu, Ketua-ketua Turus Pertahanan turut membincangkan aktiviti-aktiviti masa depan termasuk pelan tindakan dua tahun dan kenyataan bersama ACDFIM Ke-10 serta menandatangani beberapa dokumen berkaitan selain mendengarkan ucapan Ketua Turus Pertahanan Republik Kesatuan Myanmar yang akan mengambil alih selaku Pengerusi ACDFIM Ke-11 pada tahun 2014.

Kesimpulan mesyuarat ini dijangka disudahi dengan komitmen yang berterusan pada peringkat kerjasama serantau selaras dengan tema tahun ini, 'Securing Our People, Our Future Together'.

ACDFIM yang pertama telah diadakan di Republik Indonesia pada tahun 2001 dan setiap negara-negara ASEAN telah menjadi tuan rumah mesyuarat tahunan ini secara bergilir.

Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah ACDFIM Ke-2 pada tahun ini dan yang pertama pada tahun 2003.




**PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin bergambar ramai bersama pemerintah-pemerintah semasa Mesyuarat Ketua-ketua Turus Pertahanan Negara-negara ASEAN Ke-10. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.**

# ASEAN terus pantau langkah keselamatan

**Oleh :**
**Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad**

**JERUDONG,** Rabu, 20 Mac. - Pencegahan ancaman pengganas dan keselamatan maritim adalah antara cabaran-cabaran pertahanan terbesar yang dihadapi oleh pasukan ketenteraan pada masa kini.

Ke arah itu, Pasukan Khas Angkatan Bersenjata ASEAN telah ditubuhkan bagi menangani isu-isu seperti ancaman pengganas yang kerap memasuki sempadan negara-negara di rantau ini.

Demikian dijelaskan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin pada Sidang Media Mesyuarat 'Association of South East Asian Nations (ASEAN) Chiefs of Defence Forces Informal Meeting' Kali Ke-10 yang berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di Jerudong, di sini.

Pemerintah ABDB yang juga merupakan Pengerusi Persidangan tersebut seterusnya menyeru semua pihak Pasukan Angkatan Bersenjata ASEAN untuk sentiasa berganding bahu dalam menangani bersama isu-isu sebegini dengan membekalkan maklumat-maklumat terkini berkaitan hal-hal sedemikian.

Seterusnya Pemerintah ABDB menyatakan bahawa pada peringkat ini, Pasukan Angkatan Bersenjata ASEAN akan menjalani latihan-latihan ASEAN Ministers' Meeting (ADMM)-Plus yang merangkumi latihan Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (Humanitarian Assistance and Disaster Relief - HADR), Perubatan Tentera (Military Medicine - MM), Misi Menjaga Keamanan, Pencegahan Ancaman Pengganas, Keselamatan Maritim dan lain-lain lagi.

Pada sidang mesyuarat kali ini juga membincangkan agenda-agenda terpenting dalam rantau ini iaitu dari aspek operasi keselamatan, langkah-langkah pencegahan dan ketenteraan.




**PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin bersama Pemerintah-pemerintah Tentera Negara-negara ASEAN pada Press Conference 10th ASEAN Chiefs of Defence Forces Informal Meeting. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Tengah.**

## HALUAN

### Tingkatkan komitmen untuk mempromosi, melindungi hak OBK

**Dari muka 2**

Masyarakat di Negara Brunei Darussalam di semua peringkat, perlu menerima hakikat sepenuhnya, bahawa OBK adalah sebahagian daripada kita. Justeru itu, kita perlu bersatu hati dan tekad untuk meningkatkan pemedulian dan keprihatinan kita ke atas golongan OBK dengan mengujudkan sebuah masyarakat yang inklusif yang mana golongan OBK dapat bergerak bebas menjalani kehidupan seharian tanpa sebarang halangan dan batasan, tanpa stigma, tanpa pandangan yang negatif dan tanpa diskriminasi. Hak mereka perlu dihormati dan mereka tidak merasa dipinggirkan oleh masyarakat umum.

Dalam usaha meroboh stigma dan memberikan hak kepada OBK di peringkat awal, ibu bapa dan keluarga OBK, perlu memanfaatkan perkhidmatan dan kemudahan latihan dan pembangunan yang telah disediakn oleh pihak kerajaan dengan memastikan anak-anak atau ahli-ahli keluarga menghadirkan diri secara teratur ke pusat-pusat bimbingan dan latihan agar mereka dapat menikmati peluang dan hak kepada perkhidmatan yang telah disediakan ini.

Cabaran yang dihadapi oleh OBK ialah menjalani kehidupan dalam persekitaran fizikal orang yang normal. Mereka mempunyai keinginan untuk menjalani kehidupan yang normal, berdikari serta bersosialisasi, mereka mempunyai jiwa besar dan semangat yang tinggi. Mereka ingin membuktikan dalam mana mereka juga mempunyai kemampuan dan kebolehan yang tersendiri tanpa menagih simpati.

Dalam hal ini, masyarakat khususnya golongan majikan perlu mengubah sikap dengan memberi fokus kepada keupayaan golongan OBK dan bukannya kekurangan atau ketidakupayaan mereka. Kekurangan mereka hendaknyalah tidak menjadi alasan kepada majikan untuk tidak menerima golongan ini bekerja walaupun mereka mempunyai kelayakan.

Alhamdulillah, sejak kebelakangan ini, semakin ramai agensi kerajaan dan bukan kerajaan di negara ini memberi peluang pekerjaan kepada golongan OBK. Peluang yang diberikan oleh beberapa buah agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang mengambil mereka bekerja telah membuktikan bahawa mereka sebenarnya golongan yang tekun, jujur, berdedikasi dan produktif. Oleh itu, mereka harus diberi peluang dan kesempatan untuk menunjukkan potensi mereka sambil dapat menikmati kehidupan yang lebih bermakna tanpa bergantung harap kepada orang lain.

Isu komunikasi merupakan salah satu cabaran dan halangan bagi OBK terutama sekali OBK pendengaran untuk terlibat sepenuhnya dalam masyarakat dan pembangunan negara. Mereka tidak dapat memperolehi dan berkongsi maklumat disebabkan pemberi maklumat tidak boleh menyampaikan maklumat kerana tidak pandai menggunakan bahasa isyarat atau melalui media massa yang tidak menyediakan kemudahan interpretasi bahasa isyarat.

Oleh itu, adalah penting untuk menyeragamkan bahasa isyarat yang digunakan di kalangan agensi-agensi yang berkepentingan dan memperluaskan penggunaan bahasa isyarat, bukan hanya dikhususkan untuk golongan OBK pendengaran tetapi jua semua golongan masyarakat normal bagi memudahkan berkomunikasi dengan golongan orang kurang pendengaran dan membolehkan kita menyampaikan maklumat kepada golongan ini, di samping untuk merealisasikan hak utama mereka iaitu untuk berkomunikasi dengan semua golongan masyarakat di persekitaran mereka.

Sempena sambutan Hari Orang Berkeperluan Khas pada hari ini, satu anugerah akan diberikan kepada orang berkeperluan khas yang berjaya dalam bidang pendidikan. Dalam kesempatan ini, saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka kerana berjaya mengharungi pelbagai impian masing-masing. Anugerah seumpama ini akan dapat merubah persepsi dan tanggapan seluruh masyarakat supaya lebih positif untuk menerima golongan ini sebagai golongan yang berpotensi dan berkeupayaan untuk sama-sama menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara jika diberi peluang dan penyertaan yang saksama.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang telah banyak membantu demi kemajuan dan pembangunan OBK termasuk memberi peluang pekerjaan kepada golongan OBK di negara ini dan juga kepada para dermawan yang telah selama ini memberi sumbangan untuk kepentingan golongan ini. Semoga sumbangan yang berkebajikan yang diberikan akan mendapat ganjaran pahala yang setimpal dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Maka dengan mendahului kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan dengan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, saya dengan ini merasmikan Sambutan Hari Orang Berkeperluan Khas sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Berkeperluan Khas dengan tema Removing Barriers To Create An Inclusive And Accessible Society For All.

# KPSSU adakan Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran

**Berita dan Foto: Nooratini Haji Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) mengadakan Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran bagi Meraikan Kejayaan Pasukan Pekayuh-pekayuh dan Pasukan Perbarisan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 2013 pada 2 Mac 2013.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Dewan Setia Pahlawan KPSSU, di sini ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai diikuti bacaan doa kesyukuran yang dipimpin oleh Pegawai Pentadbir Tingkat I, Awang Haji Saiful Hazmi bin Haji Sulaiman.

Pada Kejohanan Regata Brunei Darussalam 2013 Pasukan Pekayuh-pekayuh KPSSU telah menjuarai perlumbaan bagi Kategori Lumba Perahu Fibre Glass 20 Pekayuh antara kementerian-kementerian dan tempat ke-4 bagi Kategori Lumba Perahu Fibre Glass 12 Pekayuh antara kementerian-kementerian.

Pasukan kementerian tersebut juga meraih tempat ke-3 daripada 128 buah pasukan yang telah bertanding dalam Perbarisan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1434 Hijriah.

Selepas itu, majlis diteruskan dengan bacaan doa selamat sempena Perasmian Ruang (*lounge*) KPSSU yang diberikan nama 'Seri Utama Lounge'.

Ruang tersebut yang berkonsepkan *modern contemporary* merupakan satu tempat perbincangan dalam suasana *informal* bagi membolehkan pegawai dan kakitangan KPSSU membuat perbincangan dan percambahan fikiran bersama *stakeholders* dan sesama sendiri.

Majlis turut diselajurkan dengan bacaan doa tolak bala bagi keselamatan mahasiswa Universiti Brunei Darussalam yang terlibat dengan insiden kemalangan di Tawau, Sabah, Malaysia.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KPSSU.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa bergambar ramai semasa Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran bagi Meraikan Kejayaan Pasukan Pekayuh-pekayuh dan Pasukan Perbarisan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 2013 (atas dan bawah).



# Hari Konsultasi satu pendekatan

**Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**

**KUALA BELAIT.** - Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) akan memperkenalkan satu jurusan baru yang dinamakan BDTVEC Diploma dalam Kejuruteraan Mekatronik.

Pada 7 Mac 2013 jurusan baru itu ditawarkan bersama dengan enam BDTVEC Diploma yang sedia ada meliputi Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan, Diploma Kejuruteraan Komputer, Diploma Kejuruteraan Rangkaian Komputer, Diploma Kejuruteraan Rekabentuk dan Pembuatan (Mekanikal), Diploma Kejuruteraan Instrumentasi dan Kawalan, Diploma Kejuruteraan Marin dan Diploma Kejuruteraan Proses Loji dan kesemua kursus tersebut kursus sepenuh masa selama dua tahun.

Orang awam dan bakal pelajar yang ingin mendapatkan informasi lanjut mengenai tawaran kursus bagi sesi akademik 2013 / 2014, dialu-alukan datang ke acara 'Hari Konsultasi' yang telah dilancarkan di Ruang Belajar, Jabatan Kejuruteraan Marin dan Jabatan Kejuruteraan Kawalan dan Mekatronik, MKJB yang diadakan selama dua hari.

Sementara itu calon pelajar yang ingin meneruskan pengajian mereka di maktab tersebut, kini boleh mendaftar secara *online* melalui Sistem Kemasukan Berpusat Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVECAS) di laman sesawang http://www.dte.edu.bn/tvecas/ yang akan dibuka sehingga 23 Mac pada pukul 4.30 petang.

Objektif sesi konsultasi bagi memberi peluang kepada orang awam dan bakal pelajar untuk menemui tenaga pengajar dan bertanya secara langsung mengenai kursus yang diminati, keperluan kemasukan dan prospek kerjaya serta untuk mendapat informasi lebih lanjut mengenai kemudahan yang terdapat di maktab.

Orang awam dan bakal pelajar juga diberi peluang melihat pameran projek-projek pelajar akhir tahun. Hari Konsultasi diharap dapat memberi inspirasi kepada pelajar dan mengalu-alukan mereka yang berminat untuk menyertai maktab dan melanjutkan pengajian mereka melalui pembelajaran secara praktikal dan *hands-on* serta berkemahiran dalam bidang tertentu.

Sebagai institusi teknikal kedua terbesar di negara ini, maktab tersebut komited untuk terus berusaha memenuhi keperluan bagi pertumbuhan profesional dan teknikal dalam kejuruteraan berpandukan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).



BAKAL pelajar bersama penjaga mereka datang bagi sesi konsultasi dan mendapatkan informasi kursus yang ditawarkan.




HARI Konsultasi Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) memberi peluang kepada orang awam dan bakal pelajar bertanya secara langsung mengenai kursus yang diminati.

## Mengeratkan silaturahim pensyarah - pelajar

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar UNISSA dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengadakan Hari Penghargaan Pensyarah UNISSA, bertempat di Dewan Auditorium UNISSA, Gadong pada 2 Mac 2013.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Rektor UNISSA, Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail.

Sambutan seumpama ini mula dijalankan pada tahun 2011 atas inisiatif pelajar berdasarkan beberapa objektif, antaranya mengeratkan hubungan ukhuwah antara para pensyarah dengan pelajar UNISSA selain meraikan pensyarah-pensyarah UNISSA.

Pada tahun ini, sambutan diserikan dengan Pertandingan Da'ie Muda yang diselenggarakan sepenuhnya oleh Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar UNISSA.

Pertandingan Da'ie Muda bertujuan mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan ulama dan cendekiawan yang berwibawa di mana program-program bercorak ilmu dan keagamaaan perlu diadakan dan diperbanyakkan.

Selain itu Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA melalui pihak Hal Ehwal Pelajar mengungkayahkan Program Pertandingan Da'ie bagi mengembangkan bakat para mahasiswa dalam era dakwah.

Antara objektif pertandingan ini ialah untuk meluaskan lagi pengetahuan agama dalam kalangan para pelajar UNISSA melalui dakwah dan tazkirah, mengeratkan silaturahim antara pelajar UNISSA dengan para tutor melalui perkongsian ilmu pengetahuan selain melatih para pelajar untuk berani tampil di hadapan khalayak ramai khususnya dalam arena dakwah, di samping mengasah kemahiran mereka dalam pengucapan umum.

Enam pelajar yang menyertai pertandingan julung-julung kali itu diselia oleh tutor masing-masing.

# Kursus tingkat sumber tenaga manusia



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Dasar dan Pertahanan), Kementerian Pertahanan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad.

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 11 Mac. - Kursus Kesihatan dan Keselamatan Kerja Kementerian Pertahanan merupakan kesinambungan dari Kempen Kesedaran Kesihatan dan Keselamatan Kerja yang bertemakan 'Ke Arah Membudayakan Persekitaran Tempat Kerja Yang Sihat dan Selamat'.

Antara kursus berkenaan ialah National Exam Occupational Safety and Health (NEBOSH) International General Certificate, Institution Occupational Safety and Health (IOSH) Managing Safety, Occupational Health and Safety Process Management dan Incident Investigation and Reporting.

Sehubungan itu, seramai 70 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan kakitangan awam, Kementerian Pertahanan menerima sijil yang berlangsung di Dewan Pahlawan, Berakas Garison, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada para penerima ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Dasar dan Pertahanan), Kementerian Pertahanan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad.

Pada kursus tersebut 432 Mejar (U) Dayang Hajah Suriani binti Haji Junaidi dari Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan Jurutera Kanan 1, Pg. Ali bin Pg. Haji Metasan dari Unit Inspektorat, Pejabat Urusetia Pemerintah ABDB telah berjaya memperolehi keputusan cemerlang dalam Kursus NEBOSH International General Certificate.

Manakala seramai 15 anggota telah mengikuti kursus dalam Audit Dalaman bagi piawaian ISO 9001:2008, OHSAS 18001:2007 dan ISO 14001:2004 dan hanya sepuluh orang yang telah diiktiraf berkelayakan selaku Juruaudit Dalaman bagi piawaian berkenaan yang merupakan satu inisiatif baru tahun 2013 untuk mendapatkan pengiktirafan piawaian antarabangsa dalam proses-proses yang digunakan di Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Kursus-kursus tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan sumber tenaga manusia terutama dalam jumlah kapasiti yang dapat memberikan pengetahuan dan kelayakan untuk membantu mencapai pengurusan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja kepada satu tahap peningkatan yang tinggi, berkesan dan lebih bersistematik di Kementerian Pertahanan dan ABDB dan juga sebagai langkah ke arah persediaan kepada penggubalan Akta Kesihatan Keselamatan Kerja Negara Brunei Darussalam yang akan dikuatkuasakan dalam masa terdekat.



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Dasar dan Pertahanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang peserta kursus.

Hadir sama pada majlis tersebut Komandan-komandan, Pengarah-pengarah Tentera dan Awam, Timbalan-timbalan Pemerintah Angkatan Tentera, pegawai-pegawai kanan dan jemputan dari Syarikat Megamas Training Co. Sdn. Bhd. dan Bureau Veritas.

# 'Taman Aie Tenap' tempat riadah lambang perpaduan antara puak



**Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim**

**TEMBURONG**, Sabtu, 16 Mac. - Sememangnya ramai sudah sedia maklum bahawa Daerah Temburong kaya dengan flora dan faunanya, di samping mempunyai banyak taman-taman beriadah untuk dikunjungi.

Salah sebuah taman beriadah yang agak sering dikunjungi di daerah ini ialah 'Taman Aie Tenap', terletak di Kuala Sungai Selapon, Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi, di sini.

Menurut Penghulu Mukim Batu Apoi, Orang Kaya Setia Haji Ahmad bin Haji Lakim taman tersebut sudah lama ditemui dan diusahakan lebih sepuluh tahun lalu tanpa adanya peruntukan khusus dengan hanya diusahakan setakat yang termampu oleh para penduduk setempat.

Ketika ini ujarnya lagi pondok-pondok rehat sudahpun didirikan bagi memudahkan para pengunjung bersantai bersama keluarga selain disediakan kemudahan tempat barbeku.

KEINDAHAN 'Taman Aie Tenap' yang terletak di Kuala Sungai Selapon, Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi.

Menyentuh mengenai nama taman berkenaan, beliau menjelaskan nama taman tersebut melambangkan perpaduan antara puak yang terdapat di Mukim Batu Apoi yang mana nama taman adalah diambil bersempena dengan tiga puak yang tinggal di Kampung Selapon dan Mukim Batu Apoi iaitu Melayu, Murut dan Iban.

'Taman' adalah bahasa kitani orang Melayu, 'Aie' bahasa Iban dan 'Tenap' adalah bahasa Murut bermaksud sejuk," jelasnya.

OKS Haji Ahmad seterusnya menjelaskan taman berkenaan akan terus dimajukan lagi jika diberikan keizinan di mana ketika ini permohonan untuk pengazetan kawasan tersebut sudah dipohonkan kepada pihak yang berwajib sebelum usaha-usaha untuk membisaikan lagi kawasan tersebut diteruskan.

# Majlis Penutup Kursus Asas Keusahawanan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mac. - Kursus Asas Keusahawanan yang disertai oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Penduduk Kampung Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba berakhir dengan majlis penutup.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Rimba, Awang Mohammad bin Haji Kabon yang juga selaku Pengerusi MPK tersebut.

Sepanjang kursus diadakan yang bermula Disember tahun lalu itu, beberapa tajuk diketengahkan kepada para peserta termasuk membuat perancangan Perniagaan, di samping asas kemahiran lain seperti Asas Pemasaran, Asas ICT, Asas Buku Simpan Kira-Kira dan Asas Perkeranian.

Kursus tersebut dikelolakan oleh Bahagian Tadbir MPK Kawasan 2 RPN Kg. Rimba dengan kerjasama Sekolah Perdagangan, Jabatan Pendidikan Teknik, Jalan Pasar Baharu, Gadong.

# 250 pelajar JIS jayakan pertunjukan konsert

**JERUDONG.** - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) mengadakan Pertunjukan Konsert Tahunan di bawah arahan Pakar Muzik Paul Edgeler dan Ketua Muzik di JIS pada 9 Mac 2013 lepas.

Program ini memaparkan pelbagai gaya muzik yang mempesonakan, dari muzik klasik Barat berbentuk muzikal 'Broadway' versi carta *hits* kontemporari seperti Beralun Dalam Samudera (Adele) dan Seribu Tahun (Christine Perri), manakala lagu-lagu tempatan seperti Yang Terindah dan Bukan Cinta Biasa merupakan lagu popular yang digemari penonton.

Lebih 250 pelajar JIS mengambil bahagian dalam pertunjukan itu termasuk pemuzik, penyanyi dan penari serta beberapa pemain pemuzik solo yang sangat berbakat seperti Nathan Schaumann dan Shian Li Chaim yang mempersembahkan muzik piano yang mengagumkan.

Sementara itu, Pengetua JIS, Andrew Fowler-Watt dalam ucapannya pada pertunjukan konsert tersebut menyatakan, tahun ini beliau amat gembira kerana pertunjukan itu menampilkan beberapa penghibur yang diundang khas termasuk penyanyi tempatan yang berbakat seperti Maria Aires dan penyanyi-penyanyi 'Excelsior' Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) Muara.

Menurutnya, pada September 2012, JIS menjadi tuan rumah pertama pertunjukan konsert tersebut dan berharap akan menjadi acara tahunan Festival Koir Sekolah Brunei.

Sebanyak 15 kumpulan koir sekolah hadir bersama-sama membuat persembahan muzik pada hujung minggu.

Beliau juga melahirkan perasaan gembira atas jemputan Pengarah Festival, Garry Thin untuk menjadi tetamu konduktor dan mendapati ia merupakan salah satu acara yang paling menarik dan menyeronokkan sejak beliau tiba di negara yang indah ini.

Selain itu, beliau juga merasa gembira menyaksikan sendiri bakat muzik yang boleh didapati di sekolah-sekolah tempatan.

Katanya, penyanyi-penyanyi dari MSPSBS merupakan bahagian penting daripada acara tersebut sambil melahirkan rasa seronok kerana mereka dapat kembali membuat persembahan di atas pentas tersebut.

Konsert tersebut dimulakan dengan visual dan akustik yang menakjubkan 'Fanfare for the Common Man'.

Bunyi muzik berkumandang di ruang Auditorium yang indah itu sekali gus kumpulan koir memenuhi pentas dihiasi kepulan asap menceriakan lagi acara yang penuh kenangan itu.

Saat menyeronokkan apabila konsert tersebut menampilkan beberapa penyanyi solo dan kombinasi paduan suara.

Kepakaran pelatih tarian terutama Carolyn Moran mempersembahkan gabungan menarik tarian balet, moden dan *hip hop* memeriahkan suasana.

Muzik dan seni adalah penting, sangat bernilai di JIS sementara tahap prestasi dan kualiti pengajaran kedua-duanya sudah tinggi menjadikan pertunjukan konsert itu mempamerkan kecemerlangan.

# Pemantauan perkumpulan peserta khatam Al-Qur'an 67 kali khatam





Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

**TEMBURONG**, Rabu, 20 Mac. - Seramai 268 peserta Khatam Al-Qur'an 67 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Seluruh Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 khusus bagi Daerah Temburong berkumpul bagi meneruskan pembacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an dalam satu majlis yang berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di sini.

Majlis keagamaan itu juga disertai oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop serta para penghulu dan ketua-ketua kampung, ketua-ketua cawangan dan ahli-ahli takmir masjid.

Majlis yang bermula sejurus selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah itu dibahagikan mengikut kategori masing-masing iaitu dewasa lelaki, dewasa wanita, belia lelaki dan beliawanis.

Jabatan Daerah Temburong telah pun menyusun penjadualan bagi pemantauan ini yang mana setiap bulan para peserta akan membaca Al-Qur'an di bawah tadahan masjid masing-masing setiap hari Rabu, di samping perkumpulan semua peserta di Masjid Utama Mohammad Salleh sebulan sekali pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

**SEBAHAGIAN daripada peserta-peserta Khatam Al-Qur'an 67 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Seluruh Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 bagi Daerah Temburong.**

# Capai kesempurnaan ibadat



**BENGKEL Kesempurnaan Fardu 'Ain 'Bersuci' siri pertama dalam Program Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup Beragama disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin.**

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**KUALA BELAIT**, Isnin, 18 Mac. - Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin berkata, kesempurnaan peribadatan bermula dari segi bersuci kerana jika sempurna dalam bersuci sudah tentu akan lebih sempurna perkara-perkara lain selepas itu.

Awang Haji Haslan menggariskan tiga elemen penting perlu diketahui bagi mencapai kesempurnaan peribadatan meliputi *taharah* (bersuci), sumber dan kegunaan air dan jenis-jenis najis.

Beliau menyatakan seandainya seseorang itu mengerjakan solat, tetapi belum bersuci dan membersihkan diri sama ada dari segi tubuh badan, pakaian, tempat mengerjakan ibadat dan sebagainya, solatnya dikira tidak sah.

"Jika solatnya tidak sah maka ibadat lain juga tidak mendapat perhatian daripada Allah," ujar beliau semasa menyampaikan Bengkel Kesempurnaan Fardu 'Ain 'Bersuci' Siri Pertama dalam Program Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup Beragama di Masjid Al-Mashhor, Kampung Sungai Mau, di sini.

Untuk tujuan bersuci, tambah beliau, seseorang itu perlu mengetahui sumber dan kegunaan air. Oleh itu, beliau secara terperinci menerangkan mengenai air *mutlak* (air yang suci lagi menyucikan), air *mustaqmal* (air yang suci tetapi tidak menyucikan), air musyammas (air yang makruh digunakan) dan air *mutanajis* (air yang mengandungi najis) supaya peserta yang hadir memahami air yang sesuai untuk bersuci.

Dalam bengkel tersebut, beliau juga menerangkan mengenai najis *muhafafah*, najis *mutawasitah* dan najis *muhalazah* serta praktikal cara menyucikan najis-najis tersebut.

Beliau berharap bengkel tersebut akan berterusan dan lebih ramai jemaah dan penduduk terutama golongan belia mengikuti bengkel sedemikian kerana melalui bengkel seumpama itu mereka akan menuju ke arah kesempurnaan peribadatan.

"Kitani mahu agama sebagai satu pegangan hidup dan juga hidup kita berlandaskan Islam. Amalan kita seharian tidak lari daripada Islam umpamanya dari segi peribadatan, solat. Sama-samalah kita menimba ilmu pengetahuan seperti yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid ini," ungkap beliau.

Beliau seterusnya menyatakan selepas program ini yang merupakan *platform* kepada Pejabat Hal Ehwal Masjid untuk membantu masjid-masjid yang memerlukan, akan diteruskan dengan program-program lain di masjid-masjid yang lain pula bagi membimbing mereka yang mahu mengikuti program seperti ini.

Bengkel bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang sentiasa mematuhi perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan mengikut ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alahi Wasallam dan menambahkan lagi ilmu keagamaan yang sedia ada telah dihadiri lebih 20 jemaah masjid dan penduduk kampung.

Kampung Sungai Mau mempunyai lebih 100 penduduk beragama Islam termasuk saudara-saudara baru dan Masjid Al-Mashhor diketuai oleh seorang Imam, Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Abas dan dibantu oleh Pemangku Bilal dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid seramai 15 orang bagi mengendalikan pelbagai aktiviti masjid mingguan dan bermusim seperti pengajaran Al-Qur'an dan Muqaddam, Dikir Syarafil Anam, Ratib Al-Attas, membaca Surah Yaa Siin setiap malam Jumaat dan ceramah-ceramah sambutan Israk Mikraj, Maulidur Rasul dan Awal Tahun Hijriah.

# 80 peserta Kursus Pengukuhan Islam meneruskan pembelajaran Tasawuf

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Seramai 80 peserta Kursus Pengukuhan Islam bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan di Negara Brunei Darussalam meneruskan lagi pembelajaran mengenai Tasawuf.

Para peserta yang terdiri daripada 40 peserta lelaki dan 40 peserta perempuan itu mengikuti pembelajaran Tasawuf yang dijalankan selama empat hari bertempat di Bilik Al-Mauizzah, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), di sini.

Sepanjang kursus diadakan, dua tenaga pengajar dari PDI terlibat iaitu Dr. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah dan Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Haji Mohamad Ali.

Antara isi kandungan pembelajaran Tasawuf ialah pengertian Tasawuf, hukum mempelajari ilmu Tasawuf, tujuan dan matlamatnya, peranan hati, jenis maksiat, gejala penyakit rohani, cara penyembuhannya serta mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kursus ini akan diteruskan lagi dengan pembelajaran Fiqh Al-Munakahat pada 1 hingga 4 April, Fiqh Az-Zakat pada 15 hingga 18 April, Fiqh As-Shiam (Puasa) pada 24 hingga 27 Jun dan Fiqh Al-Hajj pada 19 hingga 22 Ogos nanti.

Ianya merupakan rancangan tahunan Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Dakwah yang antara lain bertujuan untuk memberikan kefahaman dan meningkatkan lagi pengetahuan agama khusus, selain memperkukuhkan lagi pengetahuan dari segi kerohanian untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna.

PDI berharap dengan kursus yang diadakan ini akan dapat memberi kefahaman, mengulang kaji pengetahuan yang ada dan meningkatkan lagi kefahaman yang sedia ada untuk dapat diamalkan dalam kehidupan dan menghayati ajaran Islam dengan penuh keyakinan serta ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



**ANTARA peserta kursus lelaki yang hadir pada kursus yang diadakan di Pusat Da'wah Islamiah. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.**

# Meningkatkan sektor pertahanan ASEAN

Oleh : Dk. Vivy Maleesa Pg. Ibrahim



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada Press Conference 10th ASEAN Chiefs of Defence Forces Informal Meeting. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

**JERUDONG**, Rabu, 20 Mac. - Langkah-langkah keselamatan perlu ditangani bersama, tidak kira betapa kecil mahupun besar bagi meningkatkan sektor pertahanan ASEAN menjadi kuasa yang lebih dinamik ke arah komuniti ASEAN.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menjelaskan perkara tersebut pada Majlis Penutup Mesyuarat Ketua-ketua Turus Pertahanan Negara-negara ASEAN Ke-10 (10th ASEAN Chiefs of Defence Forces Informal Meeting-ACDFIM) yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka, di sini.

Di samping itu, Pemerintah ABDB yang mengetuai Negara Brunei Darussalam ACDFIM Ke-10 seterusnya menjelaskan, walaupun ketekunan kolektif sektor pertahanan ASEAN untuk bekerjasama terus berkembang, tetapi cabaran-cabaran juga akan terus untuk menjadi sebahagian yang tidak dapat dinafikan daripada landskap keselamatan sektor pertahanan ASEAN.

Di samping itu, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan juga menjelaskan komitmen Negara Brunei Darussalam memainkan peranan dalam memastikan dan menyokong usaha-usaha yang diberikan ke arah meningkatkan kerjasama ketenteraan ASEAN di semua peringkat.

Negara Brunei Darussalam mempengerusikan ACDFIM Ke-10 pada tahun ini, katanya, telah memainkan peranannya dalam memastikan mesyuarat ini sebagai satu tanda ke arah kerjasama yang komprehensif dan pelbagai hala yang memberi manfaat kepada kepentingan negara, serantau dan antarabangsa kami.

ACDFIM merupakan satu forum perbincangan yang telus bagi Ketua-Ketua Turus Pertahanan Negara-negara ASEAN dalam menunjukkan hubungan muhibah ke arah meningkatkan lagi ikatan persahabatan dan berkongsi pengalaman dan pencapaian setiap negara dengan matlamat untuk meningkatkan kerjasama ketenteraan di pelbagai hala dalam mengekalkan keamanan serantau, keselamatan, mengekalkan kestabilan serta pembangunan, bantuan kemanusiaan, operasi bantuan dan banyak lagi interaksi yang berkaitan.

Mesyuarat selama tiga hari bermula 18 Mac itu turut mendengarkan laporan daripada Mesyuarat Tidak Rasmi Operasi Tentera ASEAN Kali Ketiga (3rd ASEAN Military Operations Informal Meeting-AMOIM) dan Mesyuarat Tidak Rasmi Perisikan Tentera ASEAN Kali Ke-10 (10th ASEAN Military Intelligence Informal Meeting-AMIIM) yang diadakan pada 18 Mac 2013 lalu.

Di samping itu, Ketua-Ketua Turus Pertahanan turut membincangkan aktiviti-aktiviti masa depan termasuk pelan tindakan dua tahun dan kenyataan bersama ACDFIM Ke-10 serta menandatangani beberapa dokumen berkaitan selain mendengarkan ucapan Ketua Turus Pertahanan Republik Kesatuan Myanmar yang akan mengambil alih selaku Pengerusi ACDFIM Ke-11 pada tahun 2014.

Kesimpulan mesyuarat ini dijangka disudahi dengan komitmen yang berterusan pada peringkat kerjasama serantau selaras dengan tema tahun ini, 'Keselamatan Rakyat Kita, Masa Depan Kita Bersama' (Securing Our People, Our Future Together).

ACDFIM yang pertama telah diadakan di Republik Indonesia pada tahun 2001 dan setiap negara-negara ASEAN telah menjadi tuan rumah mesyuarat tahunan ini secara bergilir.

ACDFIM Ke-10 ini merupakan kali kedua negara ini mempengerusikannya dan kali pertama Negara Brunei Darussalam menjadi pengerusi pertama kali ACDFIM pada tahun 2003.

## PPNBD sertai 'Earth Hour 2013'

Oleh : Muhammad Hamdanajib Haji Domeng

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 23 Mac. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) juga turut menyertai jutaan umat manusia di seluruh dunia dalam menyokong dengan menyertai kempen menjimatkan penggunaan tenaga elektrik semasa menyertai 'Earth Hour 2013' yang bertema 'Uniting People To Protect The Planet'.

Kesedaran dan kefahaman mengenai berjimat cermat dalam penggunaan tenaga elektrik sangat penting diterapkan kepada generasi muda agar mereka mengetahui isu pemanasan global.

Pelbagai kegiatan telah dijalankan iaitu penerangan kepentingan tenaga dalam kehidupan seharian dan kuiz mengenai kepentingan tenaga elektrik dan air.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis tersebut, Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris Haji Abas.

Seramai seratus ahli Pengakap serta Pemimpin-Pemimpin Pasukan Pengakap, Pesuruhjaya Pengakap serta ibu bapa ahli Pengakap telah mematikan lampu di Bangunan Ibu Pejabat PPNBD tepat pada pukul 8.30 malam bagi tempoh satu jam.

Acara ini telah dijalankan di Dewan Serbaguna, Bangunan Ibu Pejabat PPNBD, Kompleks Pengakap, Jalan Gadong, di sini.

Terdahulu sebelum program 'Earth Hour 2013' ini dijalankan, Yang Dipertua PPNBD telah menyampaikan bendera negara kepada tiga ahli Pengakap Kelana iaitu Awang Haji Abdul Muiz bin Haji Matali, Dayang Nurul Safwanah binti Zainudin dan Dayang Izyan Husna binti Haji Khani yang akan menyertai program 'International Scout Peace Camp' di Cibubur National Scout Campsite, Cibubur, Jakarta, Republik Indonesia.

Program ini bermula pada 25-31 Mac 2013 dijangkakan disertai lebih 25 buah negara dari seluruh dunia.

# Hari Kajicuaca Sedunia 2013

## 'Memantau cuaca untuk melindungi kehidupan dan harta benda'

Ihsan : Bahagian Kajicuaca

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 21 Mac. - Hari Kajicuaca Sedunia telah ditubuhkan pada tahun 1960 untuk menjadikan kerja Perkhidmatan-Perkhidmatan Meteorologi dan Hidrologi Kebangsaan lebih dikenali dan dihargai oleh orang ramai di semua negara.

Tarikh 23 Mac telah dipilih untuk meraikan kemasukan kuat kuasa, pada tahun 1950, Konvensyen Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (WMO).

Tema yang dipilih bagi tahun 2013 ialah 'Memantau Cuaca Untuk Melindungi Kehidupan dan Harta Benda', juga meraikan 50 tahun penubuhan Pemantauan Cuaca Sedunia.

Tema ini memaparkan salah satu sebab tertubuhnya WMO - pengurangan mangsa dan kerosakan daripada bahaya yang berkaitan dengan cuaca, iklim-dan air. Pada masa yang sama, Hari Kajicuaca Sedunia 2013 mengakui sumbangan penting Pemantauan Cuaca Sedunia kepada matlamat ini.

Kesan yang semakin berleluasa disebabkan oleh cuaca ekstrim tidak boleh diabaikan. Dalam masa 30 tahun yang lalu, bencana alam telah mengorbankan lebih dua juta orang yang menyebabkan kerugian ekonomi dianggarkan lebih 1.5 trilion dolar Amerika.

Hampir 90 peratus daripada bencana itu, lebih daripada 70 peratus mangsa dan hampir 80 peratus daripada kerugian ekonomi adalah disebabkan oleh bahaya yang berkaitan dengan cuaca, iklim atau air seperti siklon tropika, aliran ribut, gelombang haba, kemarau, banjir atau wabak penyakit yang berkaitan.

WMO memberikan sumbangan penting ke arah perlindungan nyawa dan harta benda, melalui program-programnya dan rangkaian lebih daripada 190 Perkhidmatan-Perkhidmatan Meteorologi dan Hidrologi Kebangsaan.

Ramalan cuaca dan amaran-amaran awal kepada pihak-pihak kerajaan, sektor-sektor ekonomi yang pelbagai dan individu-individu membantu mencegah dan mengurangkan bencana.

Pemantauan Cuaca Sedunia telah memainkan peranan penting dalam usaha ini. Ditubuhkan pada tahun 1963, di tengah-tengah Perang Dingin, Pemantauan Cuaca Sedunia adalah satu mercu tanda dalam kerjasama global.

Ia menggabungkan sistem-sistem pencerapan, kemudahan-kemudahan telekomunikasi dan pusat-pusat pemprosesan data dan ramalan untuk menghasilkan maklumat meteorologi dan alam sekitar yang diperlukan senang diperolehi bagi membolehkan pertukaran maklumat masa sebenar dan untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang efisien di semua negara.

Dengan pengembangan keperluan untuk perkhidmatan-perkhidmatan cuaca dan iklim dan dengan kemajuan sains dan teknologi yang menakjubkan, hari ini Pemantauan Cuaca Sedunia merupakan perkara penting dalam program-program WMO dan agensi-agensi lain.

Ia memberikan sumbangan penting kepada keutamaan-keutamaan WMO melalui peningkatan pemantauan-pemantauan atmosfera dan lautan, penyebaran ramalan cuaca di seluruh dunia, terutama sekali amaran-amaran awal kesan teruk keadaan cuaca dan iklim.

Perkhidmatan iklim yang sudah diperbaiki muncul hari ini sebagai salah satu alat yang paling penting untuk menangani dan menyesuaikan diri dengan perubahan iklim dan kepelbagaian iklim.

Anggapan bahawa iklim dan keadaan sosioekonomi masa lalu adalah petunjuk keadaan semasa dan masa depan tidak lagi mencukupi.

Ia adalah penting untuk meningkatkan lagi pemahaman kita tentang iklim dan menggunakan maklumat iklim yang ada dengan lebih baik lagi untuk menangani keperluan masyarakat, dalam dunia yang dicirikan oleh pertumbuhan penduduk, perubahan dalam penggunaan tanah, pembandaran, dan cabaran dalam memastikan keselamatan makanan dan pengurusan sumber-sumber air dan tenaga.

Dalam usaha untuk meningkatkan maklumat iklim yang sedia ada dan mengukuhkan keupayaan perkhidmatan iklim, ahli-ahli WMO dan institusi rakan kongsi dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melancarkan Rangka Kerja Global bagi Perkhidmatan Iklim.

Pengurangan risiko bencana adalah salah satu bidang keutamaan awal bagi penyediaan perkhidmatan iklim, bersama-sama dengan kesihatan, pertanian dan keselamatan makanan dan sumber air.

Untuk mencapai matlamat inisiatif yang bercita-cita tinggi ini, keutamaan adalah untuk menyokong negara-negara yang kurang membangun; negara kepulauan kecil yang sedang membangun dan negara-negara sedang membangun yang lain untuk mengukuhkan keupayaan-keupayaan kebangsaan dalam perkhidmatan-perkhidmatan iklim dan amaran awal dan memaklumkan dasar-dasar iklim dan pendekatan adaptasinya melalui maklumat saintifik, akses kepada data dan peningkatan teknologi secara terbuka dan percuma.

Kaitan antara perubahan iklim, kejadian-kejadian ekstrem dan bencana alam telah diketengahkan baru-baru ini melalui Laporan Khas Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC), yang ditubuhkan dan dibiayai bersama oleh WMO dan Program Alam Sekitar PBB.

Semakin banyak bukti yang dikumpulkan daripada rangkaian Perkhidmatan-Perkhidmatan Meteorologi dan Hidrologi Kebangsaan menunjukkan peningkatan kejadian-kejadian ekstrem seperti hujan lebat dan kemarau, peningkatan paras air di kawasan pesisiran pantai disebabkan oleh kenaikan paras laut.

Terdapat bukti yang semakin meningkat yang menunjukkan hubungan aktiviti manusia khusus dalam peningkatan konsentrasi atmosfera gas rumah hijau yang telah mencapai rekod tertinggi.

Kerugian ekonomi daripada cuaca dan bencana yang berkaitan dengan iklim telah meningkat, kebanyakannya disebabkan oleh perubahan-perubahan demografi dan pendedahan aset rakyat dan ekonomi yang semakin meningkat.

Hari Kajicuaca Sedunia 2013 adalah sambutan untuk menghargai kerja yang dicapai oleh Perkhidmatan - Perkhidmatan Meteorologi dan Hidrologi Kebangsaan selama 24 jam sehari, 365 hari setahun untuk memantau cuaca dan melindungi nyawa dan harta benda.

Saya yakin bahawa sambutan ini juga akan dapat menggariskan faedah-faedah untuk terus melabur dalam infrastruktur meteorologi dan hidrologi, kepentingan kerjasama global dan tindakan segera untuk meningkatkan kapasiti dalam peruntukan kepada perkhidmatan - perkhidmatan cuaca dan iklim yang lebih baik untuk semua individu-individu, masyarakat-masyarakat dan negara-negara yang paling memerlukan.

Cuaca, iklim dan pengurangan risiko bencana adalah penting kepada mana-mana agenda kebangsaan dan antarabangsa yang menangani cabaran abad ke-21, termasuklah pembangunan yang berdaya tahan.

Hari Kajicuaca Sedunia 2013 adalah peristiwa yang unik untuk mengukuhkan mesej ini.

# RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN MINGGU KEMPAT 25 MAC 2013

| No. | DESCRIPTION | WEIGHT | 1ST EMPORIUM & SUPERMARKET | HUA HO (TG BUNUT) | HUA HO (YAYASAN) | JAYA HYPERMARKET | SIM KIM HUAT (KIULAP) | SIM KIM HUAT (TUTONG) | TEGUH RAYA DEPT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **Condensed Milk (Susu Manis Pekat)** | | | | | | | | |
| | F&N | 390 g | $1.00 | $1.00 | $1.00 | $1.00 | $1.00 | $1.10 | $1.00 |
| | Milkmaid | 388 g | $1.10 | $1.25 | $1.25 | $1.15 | $1.10 | $1.15 | $1.15 |
| | Teapot | 388 g | - | - | $1.20 | - | $1.25 | - | $1.25 |
| 2 | **Evaporated Milk (Susu Cair)** | | | | | | | | |
| | Cow Bell | 400 g | $1.05 | $1.05 | $1.05 | $1.05 | $1.05 | $1.10 | $1.05 |
| | F&N | 400 g | $1.15 | $1.05 | $1.15 | $1.15 | $1.25 | $1.20 | $1.05 |
| | Ideal | 405 g | $1.60 | $1.60 | $1.65 | $1.59 | $1.59 | $1.60 | $1.50 |
| 3 | **Flour (Tepong)** | | | | | | | | |
| | Prima Plain | 1 kg | $2.10 | $2.45 | $2.45 | $2.09 | $2.09 | $2.20 | $2.20 |
| | Green SP Interflour | 1 kg | $1.60 | $1.55 | $1.55 | $1.60 | $1.55 | - | $1.55 |
| 4 | **Butter/Margarine** | | | | | | | | |
| | Golden Churn | 340 g | - | - | - | - | - | - | - |
| | QBB | 454 g | $6.80 | $7.15 | $6.90 | - | $6.90 | - | $6.30 |
| | Planta Margarine | 480 g | $3.60 | $3.60 | $3.30 | $3.50 | $3.60 | $3.50 | $3.25 |
| 5 | **Instant Noodles** | | | | | | | | |
| | Maggi Curry | 80g x 5 | $1.70 | $1.75 | $1.45 | $1.59 | $1.69 | - | $1.65 |
| | Maggi Ayam | 80g x 5 | $1.70 | $1.75 | $1.45 | $1.59 | $1.69 | $1.70 | $1.65 |
| | Maggi Asam | 80g x 5 | $2.10 | $2.10 | $2.10 | $2.10 | $2.10 | $2.00 | $2.20 |
| | Indo Food Mee Goreng | 80g x 5 | $1.90 | $1.90 | $1.90 | $1.90 | $1.85 | $1.90 | $1.90 |
| | Indo Mie Mee Goreng | 80g x 5 | $1.40 | $1.45 | $1.40 | $1.35 | $1.29 | $1.40 | $1.35 |
| 6 | **Dried Noodles** | | | | | | | | |
| | Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong | 150 g | $0.50 | $0.60 | $0.55 | $0.45 | $0.45 | $0.50 | $0.50 |
| | Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah | 400 g | $1.80 | $1.90 | $1.90 | $1.65 | $1.70 | $1.80 | $1.70 |
| | Cap Limau Mee Hoon | 400 g | $1.10 | $1.20 | $1.20 | $0.99 | $0.99 | $1.15 | $1.00 |
| | Wai Wai Oriental Style | 400 g | $1.30 | - | $1.75 | $1.20 | $1.30 | $1.20 | $1.45 |
| 7 | **Fresh Chicken (Ayam Segar)** | | | | | | | | |
| | Whole Chicken (Bulat) | 1 kg | $4.50 | $4.50 | $4.50 | $4.19 | - | $4.19 | $4.50 |
| | Chicken Drumsticks (Peha) | 1 kg | $6.00 | $6.20 | $6.20 | $6.90 | $4.29 | $4.49 | $6.20 |
| | Chicken Breasts (Dada) | 1 kg | $3.80 | $3.80 | $3.90 | $4.19 | $3.29 | $3.89 | $3.90 |
| | Chicken Wings (Sayap) | 1 kg | $7.60 | $7.90 | $7.90 | $7.59 | $7.19 | $6.99 | $7.80 |
| 8 | **Chicken Eggs (Telor Ayam)** | | | | | | | | |
| | 1 Dozen (Size) | 1 doz | $2.40 | $2.10 | $2.10 | $2.90 | - | $2.30 | $2.10 |
| | 1 Tray (30 biji) (Size) | 1 tray | $6.20 | $6.10 | $6.10 | $5.90 | $5.90 | $6.20 | $6.10 |
| 9 | **Onions (Bawang)** | | | | | | | | |
| | Shallot (Bawang Merah) | 1 kg | $2.90 | $2.70 | $2.70 | $2.50 | $1.99 | $2.30 | $2.00 |
| | Garlic (Bawang Putih) | 1 kg | $3.20 | $2.95 | $2.45 | $2.79 | $2.59 | $2.50 | - |
| | Brown Onion (Bawang Besar) | 1 kg | $1.90 | $2.20 | $1.55 | $1.70 | - | $1.60 | $1.50 |
| 10 | **Cooking Oil (Minyak Masak)** | | | | | | | | |
| | Mazola Corn | 3 kg | $15.80 | $16.10 | $18.40 | $16.39 | $16.95 | $16.50 | $15.95 |
| | Naturel Sunflower | 3 kg | - | $11.80 | $11.80 | $12.20 | $7.80 | $11.00 | - |
| | Labour | 2 kg | $5.20 | $5.70 | $6.80 | $5.59 | $4.99 | $5.00 | $5.60 |
| | Labour | 5 kg | $11.30 | $14.40 | $12.99 | $12.89 | $10.49 | $12.50 | $10.90 |
| | Seri Murni | 2 kg | $5.10 | $5.10 | $3.90 | $4.69 | $4.10 | $3.80 | $3.90 |
| | Seri Murni | 5 kg | $11.60 | $8.95 | $8.90 | $10.20 | $9.20 | $8.80 | $8.90 |
| | Sunco | 2 ltr | $5.00 | $4.95 | $5.20 | $4.39 | $4.80 | $4.50 | $4.50 |
| | Sunco | 5 ltr | $10.80 | $9.70 | $9.40 | $9.60 | $9.29 | $9.50 | $9.50 |
| | Sania | 2 ltr | $3.95 | $3.85 | $4.25 | - | $3.80 | $4.50 | $3.80 |
| | Sania | 5 ltr | $10.20 | $8.95 | $9.90 | $9.39 | $8.90 | $10.00 | $9.30 |
| 11 | **Milo (Malaysia)** | | | | | | | | |
| | Nestle Milo | 1 kg | $8.10 | $8.20 | $7.95 | $7.69 | $7.95 | $7.90 | $7.80 |
| | Nestle Milo | 1.5 kg | $13.50 | $13.15 | $13.20 | $12.39 | $12.49 | $13.00 | $12.80 |
| 12 | **Cordial Syrups** | | | | | | | | |
| | F&N Sun Valley Grenadine | 2 lit | $4.80 | $5.00 | $5.00 | - | $4.60 | - | $4.70 |
| | F&N Sun Valley Rose | 2 lit | $4.80 | $5.00 | $4.95 | - | $4.95 | - | $4.70 |
| | F&N Sun Valley Sarsi | 2 lit | $4.80 | $5.00 | $5.00 | - | $4.60 | - | $4.70 |
| | Ria Kordial Rose | 2 lit | $4.20 | $4.35 | $4.20 | $4.20 | $4.30 | $4.20 | $4.30 |
| | Ria Kordial Sarsi | 2 lit | $4.20 | $4.35 | $4.20 | $4.20 | $4.30 | $4.20 | $4.30 |
| | Rose Brand Rose Syrup Flavour | 750 ml | $3.85 | $3.80 | $3.80 | $3.50 | - | - | $3.60 |
| 13 | **Sauces (Sos)** | | | | | | | | |
| | Habhal Salty Soy Sauce (Cap Kipas Udang) | 645 ml | $3.70 | $3.40 | $3.40 | $3.15 | $3.20 | $3.30 | $3.30 |
| | Habhal Sweet Soy Sauce (Cap Kipas Udang) | 645 ml | $3.25 | $3.20 | $3.50 | $3.30 | $3.29 | $3.40 | $3.40 |
| | Maggi Cilli Sauce | 340 gm | $1.10 | $1.20 | $1.10 | $1.05 | $1.09 | - | $1.10 |
| | Maggi Tomato Ketchup | 325 gm | $1.05 | $1.15 | $1.05 | $0.99 | $0.99 | $1.10 | $1.00 |
| | Adabi Oyster Sauce (Sos Tiram) | 510 gm | $2.10 | $2.30 | $2.30 | $1.99 | $1.99 | $2.10 | $2.10 |
| | Nona Oyster Sauce (Sos Tiram) | 510 gm | $1.70 | $1.80 | $1.90 | $1.69 | $1.75 | $1.80 | $1.75 |
| 14 | **Mayonnaise** | | | | | | | | |
| | Real Mayonnaise (Lady's Choice) | 230 ml | $2.75 | $2.70 | $2.40 | $2.55 | $2.60 | $2.70 | $2.40 |
| | Real Mayonnaise (Lady's Choice) | 470 ml | $4.50 | $4.85 | $4.20 | $4.20 | $4.10 | $4.20 | $4.15 |
| 15 | **Infant Diapers** | | | | | | | | |
| | Drypers - Wee Wee Dry Newborn (Up t0 5 kg) | NB 28 | $7.50 | $7.15 | - | $7.70 | $7.50 | $7.30 | $7.20 |
| | Drypers Small (3-7 kg) | S 32 | $7.50 | $7.15 | - | $7.70 | $7.50 | $7.30 | $7.20 |
| | Drypers Medium (6-11 kg) | M 28 | $6.50 | $7.15 | - | $7.70 | $7.50 | $7.30 | $7.20 |
| | Drypers Large (9-14 kg) | L 48 | $13.60 | $12.70 | $13.60 | - | $12.85 | - | - |
| | Drypers Extra Large (12-17 kg) | XL 40 | $13.60 | $12.70 | $13.60 | - | $12.85 | - | - |
| | Drypers Extra-Extra Large (15 kg above) | XXL 16 | $7.50 | $7.15 | - | $7.70 | $6.50 | $7.30 | $7.20 |
| | Mamy Poko - Newborn (Up t0 5 kg) | NB 28+2 | $8.90 | $8.45 | - | - | - | - | $12.20 |
| | Mamy Poko Small (3-8 kg) | S 48+2 | $16.90 | $16.95 | $16.80 | - | - | $16.30 | - |
| | Mamy Poko Medium (6-11 kg) | M 44 | $16.90 | $16.95 | $16.80 | $15.60 | - | $16.30 | $16.20 |
| | Mamy Poko Large (9-14 kg) | L 56 | $16.90 | $16.95 | - | - | - | - | - |
| | Mamy Poko Extra Large (12-17 kg) | XL 50 | $16.90 | $16.95 | - | - | - | - | - |
| | Mamy Poko Extra-Extra Large (15 kg above) | XXL 28 | $16.95 | $16.95 | $16.80 | $15.60 | - | $16.30 | $16.80 |
| | Sealer Newborn (Up t0 5 kg) | NB 48 | - | $8.80 | $8.80 | - | $8.80 | $8.40 | - |
| | Sealer Small (3-7 kg) | S 46 | - | - | - | - | - | - | - |
| | Sealer Medium (6-11 kg) | M 42 | - | $12.70 | $13.20 | - | - | - | - |
| | Sealer Large (9-14 kg) | L 48 | - | $12.70 | - | - | - | - | $14.90 |
| | Sealer Extra Large (12 kg above) | XL 42 | - | $12.90 | $14.80 | - | $15.20 | - | $14.90 |
| | Sealer Sumo Extra Large ( 15kg above) | XXL 28 | - | $11.10 | $11.50 | - | $11.80 | $11.50 | $11.50 |
| | EQ Dry- Newborn (Up t0 5 kg) | NB 20/22 | - | - | - | - | $3.80 | - | $3.80 |
| | EQ Dry Small (3-7 kg) | S 40 | $7.80 | $7.80 | $7.80 | - | $7.50 | $10.60 | $7.20 |
| | EQ Dry Medium (6-11 kg) | M 36 | $7.80 | $7.80 | $7.80 | - | $7.50 | $7.10 | $7.20 |
| | EQ Dry Large (9-14 kg) | L 48 | $10.55 | $10.55 | $10.55 | $10.50 | $10.95 | $10.60 | $10.50 |
| | EQ Dry Extra Large (12-17 kg) | XL 42 | $10.55 | $10.55 | $10.55 | $10.50 | $10.95 | $10.60 | $10.50 |
| | EQ Dry Extra-Extra Large (15 kg above) | XXL 24 | $9.20 | $9.00 | $9.00 | - | $8.70 | $8.80 | $8.90 |
| 16 | **Frozen** | | | | | | | | |
| | BMC - Chicken Frankfurters | 340 g | $2.10 | $1.99 | $1.99 | $1.99 | $1.89 | $2.00 | $2.00 |
| | Ayamas - Chicken Frankfurters | 340 g | $2.35 | $2.45 | $2.45 | $2.59 | $2.35 | $2.35 | $2.40 |
| | BIFFI Chicken Frankfurters | 340 g | - | - | $1.50 | - | $1.25 | - | $1.60 |
| | BMC - Nuggets | 1 kg | $6.50 | $5.80 | $5.80 | $6.90 | $5.95 | $6.70 | $6.80 |
| | Ayamas - Crispy Nuggets | 1 kg | $8.20 | $8.65 | $7.95 | - | - | $7.95 | $8.50 |
| | FARM'S Best Chicken Nuggets | 1 kg | $5.60 | $5.40 | $4.80 | $5.90 | - | - | $5.60 |
| | BMC - Chicken Burger | 900 g | $7.20 | $7.30 | $6.40 | $7.30 | $6.25 | $6.40 | $6.80 |
| | PDS - Chicken Burger | 900 g | - | - | - | - | - | - | - |
| | BMC - Beef Burger | 900 g | $6.80 | $6.95 | $6.95 | $6.30 | $6.25 | $6.30 | $6.50 |
| | PDS - Beef Burger | 900 g | $6.95 | $7.20 | $7.20 | $7.60 | $6.30 | - | - |
| 17 | **Canned Preserved Food** | | | | | | | | |
| | Yeo's Chicken Curry | 145 g | $1.50 | $1.50 | $1.55 | $1.50 | $1.50 | $1.40 | $1.45 |
| | Rex Chicken Curry | 160 g | $1.80 | $1.50 | $1.50 | $1.50 | $1.50 | $1.30 | $1.40 |
| | Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Tall | 230 g | $2.00 | $2.15 | $2.10 | $2.05 | $1.95 | $2.00 | $2.10 |
| | Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Oval | 215 g | $2.10 | $2.05 | $2.10 | $1.99 | $1.99 | $2.10 | $2.10 |
| | Smiling Fish Fried Baby Clam with Chili | 40 g | $1.10 | $1.05 | $1.10 | $0.95 | $1.00 | $1.00 | $1.00 |
| | Smiling Fish Crispy Baby Clam | 30 g | $1.15 | $1.05 | $1.05 | $1.15 | $1.00 | $1.10 | $1.15 |
| | Kara Natural Coconut Extract | 200 ml | $1.10 | $1.10 | $1.10 | $1.00 | - | - | - |
| | Ayam Brand Coconut Milk Blue Packet | 200 ml | - | $1.10 | $1.10 | $0.95 | - | $1.20 | - |
| | Ayam Brand Coconut Milk Blue Tin | 270 ml | $1.70 | $1.85 | $2.30 | $1.65 | $1.70 | - | $1.80 |
| | Chakoah Coconut Milk Gata | 400 ml | $1.50 | $1.70 | $1.55 | $1.45 | $1.49 | $1.50 | $1.45 |
| | Babu Kitchen Coconut Milk Indo | 400 ml | $1.60 | $1.70 | $1.70 | $1.55 | $1.49 | $1.60 | $1.55 |
| 18 | **Kaya Spread** | | | | | | | | |
| | Habhal's Cap Kipas Udang Sri Kaya | 240 g | $2.10 | $1.95 | $1.95 | $2.10 | $1.99 | $1.95 | $1.95 |
| | Nona Kaya dengan telur Omega | 180 g | $1.20 | $1.20 | $1.25 | - | $1.20 | - | $1.15 |
| | Play Basketball since 1965 S'pore | 200 g | $1.10 | $0.95 | $0.95 | - | - | - | - |
| | Glory Nyonya Kaya Coconut Jam | 250 g | - | $1.85 | $1.70 | - | - | - | - |
| 19 | **Detergents** | | | | | | | | |
| | Ekonomi Handalan Putih Kekal Baru | 2.5 kg | - | $5.10 | $4.85 | $5.20 | - | - | $4.30 |
| | DAIA Excellent Washing Powder | 2.5 kg | $5.90 | $6.15 | $6.20 | $5.99 | $6.50 | $5.90 | $5.90 |
| | Dynamo Liquid Detergent | 1 kg | $3.70 | $3.50 | $3.80 | - | $3.70 | - | $3.65 |
| | Breeze Liquid Detergent | 2000 ml | - | $6.10 | $5.70 | - | $6.20 | - | $5.80 |
| | Clorox Liquid Bleach | 1 lit | $2.00 | $1.90 | $1.90 | $1.80 | $1.80 | $1.80 | $1.80 |
| | Cocorex Liquid Bleach | 1 lit | $1.70 | $1.90 | $1.60 | $1.80 | $1.70 | $1.70 | $1.50 |

*Harga barang tertakluk kepada stok

*Untuk maklumat lanjut sila layari laman web www.depd.gov.bn*




# برجيمة جرمة دالم بربلنجا

ماريله كيت منيڠكتكن كتقوأن كيت كڤد الله سبحانه وتعالى دڠن ڤنوه كيقينن دان كإخلاصن دڠن ملاكوكن سڬل سوروهنڽ، دان منيڠڬلكن سڬل لاراڠنڽ. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ برتقوى دان برإيمان سرت سلامة ددنيا دان سلامة دآخرة.

الله سبحانه وتعالى مڠانكرهكن كڤد مأنسي رزقي سڤاي مأنسي داڤة هيدوڤ سباڬيمان لايقڽ. رزقي يڠ الله سبحانه وتعالى انكرهكن ايت اداله ساتو نعمة يڠ واجب كيت شكوري سرت ممنفعتكن رزقي ترسبوت دڠن جارا يڠبتول دان دريضاءي الله سبحانه وتعالى. ددالم حديث قدسى اد منجلسكن بهوا همبا الله يڠ معبديكن ديري كڤداڽ اكن دجامين منداڤة رزقي دري الله سبحانه وتعالى.

الله برفرمان كڤد ڤارا ملائكة يڠ دسرهكن كڤد مريك أوروسن رزقي أنق أدم: " مان٢ همبا يڠ كامو داڤتي يڠ جيتا٢ڽ هاڽ ساتو يإيت سمات٢ انتوق أخيرة، جامينله رزقين دلاڠيت دان دبومي. دان مان٢ يڠ كامو داڤتي منجاري رزقين دڠن جوجور كران برهاتي٢ منجاري كعاديلن، بريله دي رزقي يڠ بايك دان مودهكنله اي باڬين. دان جك اي تله ملمڤاوي باتس كڤد سلاين ايت، بياركنله دي سنديري مڠأوسهاكن اڤ يڠ دكهندقين. كمدين دي تيدق اكن منجاڤي لبه دري اڤ يڠ تله اكو تتڤكن انتوقڽ". {حديث قدسى رواية أبو ناعم دري أبو هريرة }.

إسلام تيدق ملارڠ أومتڽ مڠومڤول هرت ككيأن أصلكن هرت ككيأن ايت كيت بلنجاكن انتوق جالن كبايكن دان كبجيقن سرت تيدق بربلنجا بوروس. بربلنجا بوروس اداله ڤونچا ڤمبذيران دان ستروسڽ بوله مڠعقيبتكن سسئورڠ ايت اكن كهابيسن هرت. الله سبحانه وتعالى ميڤتكن ممبذير ايت اداله سودارا شيطان سڤرتمان ڤرمانڽ دالم سورة الإسراء أية ٢٧: تفسيرڽ:

**سسڠكوهڽ اورڠ٢ يڠ بوروس ايت اداله سودارا٢ شيطان، سدڠ شيطان ايت ڤول اداله مخلوق يڠ ساڠة كڤور كڤد توهنڽ.**

إبن مسعود دان إبن عباس رضى الله عنهم منتفسيركن أية اين، بهوا ڤمبذيران ايت برمقصود ڤربلنجأن اتو مڠڬوناكن هرت بندا بوكن ڤد تمڤتڽ يڠ سبنر. اوله ايت بربلنجاله دڠن سدرهاڽ، تيدق برلبيهن٢ سهيڠڬ دلوار كممڤوان يڠ أخيرڽ كيت سنديري يڠ دتيمڤا كسوسهن سڤرت برهوتڠ دان سباڬين. عملكنله سيكڤ برجيمة جرمة سرت برسدرهان دالم بربلنجا دان جاڠنله كيت بربلنجا مڠيكوت هوا نفسو.

صفة برسدرهان ميمڠ تله دأجركن اوله أكام إسلام سنديري. إسلام مڽوروه كيت برصفة قَنَاعَه يإيت منريما دڠن ريلا اڤ يڠ تله دتنتوكن اوله الله سبحانه وتعالى انتوق كيت. صفة اين ڤرلو دڤوڤوق دالم ديري كيت سڤاي صفة طمع تيدق اكن مڠواساءي ديري.

سلاكو أومة إسلام كيت سڤاتوتڽ مڠعملكن جيمة جرمة سرت برسدرهان دالم اڤ٢ جوك يڠ كيت بلنجاكن، كران عمالن جيمة جرمة ايت منديسيڤلينكن ديري كيت منوجو كأره صفة قناعه ايت سنديري. رسول الله صلى الله عليه وسلم سنديري مڠعملكن صفة قناعه دان برصفة سدرهان. ددالم سيره اد منجريتاكن بهوا رسول الله صلى الله عليه وسلم سنديري هيدوڤ دالم كادأن يڠ امة سدرهان، والوڤون بوكيت دان ݢونوڠ ݢانڠ يڠ اد دسكيترڽ ڤرنه دتاوركن أكر دجاديكن أمس دان ڤيرق، اكن تتاڤي رسول الله صلى الله عليه وسلم منولقڽ دان تتڤ مميليه جارا هيدوڤ يڠ سدرهان. كمدين قيصه

سلنجوتڽ إمام أحمد اد مروايتكن درڤد عبدالله ابن عباس مڠنأي قيصه عمر يڠ مماسوقي بيليق نبي محمد صلى الله عليه وسلم سماس بلياو منزيارهيڽ. عمر بركات: اكو ڤون دودوق دان اكو مليهت تندا تيكر ڤد بدان نبي محمد صلى الله عليه وسلم. اكو ترنمڤق سڬڠڬم ݢندوم دان سكڤيڠ كوليت تركنتوڠ، اكو ڤون تروس منڠيس. لالو نبي محمد صلى الله عليه وسلم برتاڽ، " واهي إبن خطاب، مڠاڤ كامو مناڠيس؟ عمر منجواب، " مڠاڤ تيدق، يا رسول الله. اكو ترنمڤق بكس تيكر كاسر دبدان مو دان اكو مليهت هرت مو هاڽ سقدر اڤ يڠ اكو ليهت سكارڠ. بايڠكن مهاراج روم دان مهاراج ڤرسي يڠ هيدوڤ دالم كلازتن، سدڠكن كامو اداله نبي هيدوڤ سڤرت اين؟ نبي محمد صلى الله عليه وسلم تروس برسبدا، " واهي إبن خطاب، اڤكه كامو تيدق ريضاء بهوا باڬي كيت أخيرة دان باڬي مريك دنيا؟ " قيصه اين جلس ممبوقتيكن بهوا رسول الله صلى الله عليه وسلم سوك انتوق هيدوڤ دالم كادأن سدرهان دان تيدق ملاكوكن ڤمبذيران.

والوباڬيمانڤون دالم كيت مڠعملكن هيدوڤ برجيمة جرمة اين، كيت جوك هندقله منجاوهي صفة بخيل دان كدكوت، كران صفة ترسبوت ملمبڠكن تيدق برشكور كڤد الله سبحانه وتعالى دان تيدق منونيكن تڠڬوڠجواب سرت أمانه الله. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الفرقان أية ٦٧: تفسيرڽ:

**دان جوك مريك يڠ دريضاءي الله ايت إياله يڠ اڤبيل ممبلنجاكن هرتاڽ، تياداله ملمڤاوي باتس دان تياد بخيل كدكوت، دان سباليقڽ ڤربلنجأن مريك اداله بتول سدرهان دأنتارا كدوا٢ جارا ( بوروس دان بخيل ) ايت.**

ميمڠ تيدق داڤة دناڤيكن بهوا صفة مأنسي اين ميمڠ تيدق ڤرنه ڤواسْ دالم مڠومڤولكن هرت والوڤون تله مميليكي هرت يڠ باڽق. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا دالم سبواه حديث:

مقصودڽ:

**دري ابن عباس رضى الله عنهما كاتڽ: اكو مندڠر نبي صلى الله عليه وسلم برسبدا: سأنداين مأنسي مميليكي لمبه برإيسي هرت، تنتو اي ماسيه مڠإيڠينكن هرت يڠ باڽق سڤرت ايت ڤول، مات مأنسي باروله ڤنوه جك دإيسي دڠن تانه ( ماتي برکالڠ تانه ). الله تنتو اكن منريما توبة باڬي سياڤ ساج يڠ إيڠين برتوبة. (رواه الامام البخاري)**

حديث تادي جلس مننجوقكن بهوا جلأن باڬي اورڠ يڠ ترلالو طمع دڠن دنيا دان توجوانڽ هاڽ إيڠين ممڤربايق هرت. اوله كران ايت، ڤارا علماء اد مڠاتكن بهوا كيت هندقله برصفة قناعه دان سلالو مراس چوكوڤ دڠن هرت يڠ كيت ڤرأوليهي.

جلسله كڤد كيت بهوا صفة طمع ايت سبنرڽ لاهير درڤد هاتي يڠ تيدق ڤواس دڠن هرت دان ككيأن يڠ دڤرأوليهي. هاتي أومڤام راج دالم ديري مأنسي. هاتي تمڤة كيقينن سئورڠ همبا ترهادڤ توهنڽ. هاتي جوك سسارن شيطان انتوق ميستكن دان منجاديكن مأنسي طمع.

جسترو، هاتي يڠ بايك ايت، سنتياس منجتوسكن كدامين دان كتنڠن دالم ديري، كلوارڬ دان مشاركة. إمام الغزالي بركات: " توجوان ممڤربايكي أخلاق إياله انتوق ممبرسيهكن هاتي سڤاي جرنيه باڬيكن جرمين يڠ داڤة منريما جهيا الله سبحانه وتعالى".

أوله يڠ دمكين، جك كيت عملكن صفة قناعه دالم كهيدوڤن، إن شاء الله كيت تيدق اكن ترجرومس سباڬي اورڠيڠ طمع هلوبا. عمالن هيدوڤ اين جوك ڤرلو دديديق كڤد أنق٢ كيت سڤاي مريك تيدق دڤڠاروهي صفة طمع دان راكوس.

ڤرلو دكتهوي بهوا كادڠ كالا نعمة يڠ مليمڤه ايت بوله مڽببكن سسئورڠ ايت لوڤا دان لالي بهوا نعمة ايت اداله أوجين دري الله سبحانه وتعالى كڤد همبا٢ڽ. سباڬي أومة إسلام كيت دتنتوت أكر منشكوري سڬل ڤمبرين دري الله سبحانه وتعالى. كيت هندقله مڠوروس سڬل ڤربلنجأن انتوق كڤرلوان هيدوڤ دڠن سبايك٢ڽ ستيڤ ماس سمأد دوقت سنڠ، لبه٢ لاڬي دوقت سوسه. سكيراڽ كيت مڠأبايكن ڤركارا ترسبوت، دخواطيري كسن درڤد كلالين كيت مڠوروسكن ڤربلنجأن هيدوڤ، بوله مڽببكن كيت منيڠڬلكن جنراسي يڠ موندور دكمدين هاري، سرت مڽببكن نڬارا كيت موندور

دان تركبلاكڠ، كران كونچي كستابيلن دان كمعموران نڬارا ايت اداله كيت مڠعملكن سيكڤ برجيمة جرمة.

ڤركارا اين ڤرنه دتيتهكن اوله كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادك سري بڬندا سلطان دان يڠ دڤرتوان نڬارا بروني دارالسلام سمڤنا تاهون بارو مسيحي ٢٠١٢، انتارا تيته بڬندا " دسمڤيڠ ايت، جاڠن ڤول لوڤا، توروت منجادي كونچي كستابيلن دان كمعمورن إياله عمالن " برجيمة جرمة". سيكڤ برهيمت دالم بربلنجا، سمأد دڤريڠكة كراجأن، رومهتڠڬا ماهوڤون إينديبيدو اداله تونڠڬق سوربيبل ( survival ) إيكونومي نڬارا. كران ايت، بربلنجا بسر دلوار كممڤوان اداله ساتو تراجدي ڤاهيت".

أخيرڽ، سام٢له كيت منانمكن دالم هاتي دان جيوا دڠن صفة برجيمة جرمة سرت كسدرهانأن ڤد اڤ يڠ اد. مدهمداهن ديري كيت دان كلوارڬ كيت ترهيندر دري برصفة طمع ترهادڤ هرت دان ككيأن دنيا يڠ سمنتارا اين. آمين يا رب العالمين.

تفسيرڽ:

**كامو تله دلاليكن درڤد مڠرجاكن عمل بقتي اوله ڤربواتن برلومبا٢ انتوق منداڤة دڠن سبايق٢ڽ هرت بندا، أنق ڤينق، ڤڠكة دان ڤڠاروه، سهيڠڬ كامو ماسوق قبور. جاڠن سكالي٢ برسيكڤ دمكين! كامو اكن مڠتهوي كلق عقيبتڽ يڠ بوروق سماس هندق ماتي. سكالي لاڬي دإيڠتكن جاڠن سكالي٢ كامو برسيكڤ دمكين! كامو اكن مڠتهوي كلق عقيبتڽ يڠ بوروق ڤد هاري قيامة.**





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika menerima sembah taklimat mengenai operasi empangan di Drawoff Tower dan seterusnya berkenan membuka injap empangan tersebut.

# DPMM berkenan merasmikan Pusat Biodiversiti Hutan Tropika Sg. Liang



DYTM berkenan merasmikan bangunan Pusat Biodiversiti Hutan Tropika Sungai Liang.



BANGUNAN Pusat Biodiversiti Hutan Tropika Sungai Liang.

**SUNGAI LIANG**, Sabtu, 23 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri telah berangkat merasmikan bangunan Pusat Biodiversiti Hutan Tropika Sungai Liang yang terletak di KM4, Jalan Labi, di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar; Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri; Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan), KPSSU, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-sumber Utama), KPSSU, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah oleh Pemangku Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait, Awang Mohd. Shah bin Haji Talip.

DYTM yang juga selaku Penaung Diraja Inisiatif Nadi Borneo Negara Brunei Darussalam dijunjung merasmikan bangunan pusat dan seterusnya menyaksikan tayangan klip video mengenai pusat tersebut.

DYTM kemudian dijunjung menandatangani plak kenang-kenangan seterusnya berkenan menerima pesambah dan selanjutkan dijunjung menyaksikan pameran mengenai pusat dan jenis-jenis hutan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Pembangunan pusat ini merupakan salah satu projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-9 dan Ke-10 di bawah KPSSU dengan peruntukan sebanyak BND3,569.000 yang mula dibina pada 23 Mac 2010 dan mengambil masa 19 bulan untuk disiapkan pada 22 November 2011 di kawasan tanah seluas 2.317 hektar.

DYTM seterusnya dijunjung melawat makmal dan diberi penerangan mengenai kerja-kerja kajian mengenai mikrob yang ada di biodiversiti hutan negara ini dan seterusnya dijunjung ke Dewan Kuliah serta disembahkan taklimat mengenai biodiversiti yang sedang dikendalikan sebagai program percutian sekolah bagi penuntut-penuntut Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal.

Terletak strategik dalam salah satu himpunan laman flora dengan pelbagai spesies di dunia, konsep reka bentuk bangunan mencerminkan sumbangan penting kepada kepelbagaian biologi yang kaya (biodiversiti) negara.

Penubuhan pusat tepat pada masanya sebagai mercu tanda sumber biodiversiti yang kaya dalam kawasan subserantau biodiversiti Pulau Borneo yang bertujuan dari segi penyelidikan dan pembangunan, pendidikan dan program pembelajaran dan ekopelancongan.

Penyelidikan dan pembangunan antaranya bertujuan untuk menempatkan biodiversiti digital daratan termasuk mikrob untuk rujukan kebangsaan dan pembekal sumber bagi pakar-pakar, ahli akademik yang relevan dan pelabur berpotensi atau sektor swasta.

